



Penyata
KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2025

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi
Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

**LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR
31 DISEMBER 2025**

**AL JAFREE SALIHIN KUZAIMI PLT
201506002872 (LLP0006652-LCA) & AF 1522
Akauntan Bertauliah**

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

KANDUNGAN	MUKA SURAT
LAPORAN LEMBAGA	1 - 5
AKUAN BERKANUN	6
LAPORAN JURUAUDIT BEBAS	7 - 11
KUNCI KIRA-KIRA	12 - 14
PENYATA UNTUNG ATAU RUGI	15
AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN	16
PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF	17
PENYATA PERUBAHAN EKUITI DISATUKAN	18 - 19
PENYATA PERUBAHAN EKUITI	20 - 21
PENYATA ALIRAN TUNAI	22 - 25
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN	26 - 141

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

LAPORAN LEMBAGA

Lembaga Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad ("Kumpulan dan KPF") dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka bersama-sama dengan penyata kewangan Kumpulan dan KPF bagi tahun berakhir 31 Disember 2025.

AKTIVITI UTAMA

KPF ditubuhkan dengan tujuan menggalakkan penyimpanan wang oleh anggota-anggota, mengadakan kemudahan-kemudahan pelaburan bagi wang-wang yang disimpan, meningkatkan taraf ekonomi anggota-anggota hasil daripada kegiatan simpanan dan pelaburan wang dan penawaran kemudahan pembiayaan patuh syariah untuk anggota-anggota. KPF juga terlibat dengan aktiviti perladangan kelapa sawit dan aktiviti pelaburan hartanah.

Tidak terdapat apa-apa perubahan ketara dalam aktiviti Kumpulan dan KPF dalam tahun kewangan semasa.

Aktiviti utama syarikat-syarikat subsidiari ditunjukkan dalam Nota 10 kepada penyata kewangan.

KEPUTUSAN

Keputusan operasi Kumpulan dan KPF bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025 adalah seperti berikut:

	Kumpulan RM'000	KPF RM'000
Keuntungan sebelum pelarasan operasi	43,759	177,563
Tolak: Pelarasan operasi	(29,529)	(29,473)
Keuntungan selepas pelarasan operasi	14,230	148,090
Tolak: Pembahagian berkanun	(22,214)	(22,214)
(Kerugian)/Keuntungan selepas pembahagian berkanun	(7,984)	125,876
Belanja cukai	(2,537)	-
Zakat	(1,202)	(1,000)
Tolak: Lain-lain pembahagian	(6,444)	(6,444)
(Kerugian)/Keuntungan sebelum pelarasan bukan operasi	(18,167)	118,432
Tolak: Pelarasan bukan operasi	(210,730)	(188,426)
Kerugian bersih tahun kewangan	(228,897)	(69,994)
Kerugian bersih berkaitan dengan:		
Pemegang syer KPF	(229,325)	(69,994)
Kepentingan tiada kawalan	428	-
	(228,897)	(69,994)

Pada pendapat Lembaga, keputusan operasi Kumpulan dan KPF bagi tempoh kewangan semasa adalah tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusan niaga atau peristiwa yang material dan luar biasa selain daripada yang dinyatakan di dalam penyata kewangan.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

LAPORAN LEMBAGA

DIVIDEN

Sejak akhir tahun kewangan yang lalu, KPF telah membayar dividen akhir berjumlah RM128,613,000 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024.

Lembaga KPF mencadangkan dividen akhir sebanyak 5% berjumlah RM102,100,000 untuk dibayar bagi tempoh tahun kewangan semasa. Walau bagaimanapun, dividen ini tertakluk kepada kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KPF, dividen ini telah diakru sebagai liabiliti dalam penyata kewangan KPF bagi tahun kewangan semasa sepertimana yang ditentukan dalam perenggan 9, Garis Panduan 2: Garis Panduan Permohonan, Pembayaran Dividen oleh Koperasi (Pindaan) 2012.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tiada pindahan ketara kepada atau daripada rizab dan peruntukan dalam tahun kewangan selain daripada yang dinyatakan di dalam penyata kewangan.

CADANGAN HONORARIUM LEMBAGA

Lembaga mencadangkan bayaran honorarium sebanyak RM150,000 bagi tahun berakhir 31 Disember 2025 tertakluk kepada kelulusan Ketua Pendaftar sepertimana yang ditentukan dalam perenggan 57(5)(c) Akta Koperasi, 1993.

LEMBAGA KPF

Anggota-anggota Lembaga KPF yang berkhidmat sejak permulaan tahun kewangan sehingga tarikh laporan ini adalah:

- | | |
|--|------------------------------------|
| 1) Dato' Mohd Banuri bin Aris | |
| 2) Encik Ahmad Syaarani bin Azulan | (Dilantik pada 26 Jun 2025) |
| 3) Puan Iswanie binti Tormodi | (Dilantik pada 26 Jun 2025) |
| 4) Dato' Ramli bin Ismail | |
| 5) Dato' Muhamad Rizal bin Abdul Rahim | |
| 6) Encik Hasbullah bin Muhamad | |
| 7) Dr. Mohd Faisal bin Mustaffa | |
| 8) Encik Hasrin bin Ismail | |
| 9) Dato' Zainal Abidin bin Ahmad | |
| 10) Encik Mohd Helmi Fakhzan bin Abd Wahab | (Dilantik semula pada 26 Jun 2025) |
| 11) Datuk Sulong Jamil bin Mohamed Shariff | (Dilantik semula pada 26 Jun 2025) |
| 12) Encik Zaid bin Sidek | (Dilantik pada 26 Jun 2025) |
| 13) Puan Siti Zaroha binti Nasharuddin | (Sehingga 26 Jun 2025) |
| 14) Dato' Zakaria bin Arshad | (Sehingga 26 Jun 2025) |
| 15) Encik Samsudin bin Othman | (Sehingga 26 Jun 2025) |

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

LAPORAN LEMBAGA

PERISTIWA-PERISTIWA PENTING PADA TAHUN SEMASA DAN SELEPAS TEMPOH PELAPORAN

Butir-butir peristiwa penting adalah seperti dinyatakan dalam Nota 53 kepada penyata kewangan.

MAKLUMAT-MAKLUMAT BERKANUN LAIN

Sesuai dengan kehendak Akta Koperasi, 1993 dan pindaan yang dibuat selepasnya, Lembaga telah mengambil langkah-langkah yang berpatutan bagi menentukan bahawa penyata kewangan Kumpulan dan KPF melaporkan:

- (i) kesemua hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskira dan peruntukan jangkaan kerugian kredit yang sewajarnya telah dibuat bagi hutang ragu; dan
- (ii) memastikan nilai buku bagi aset semasa yang berkemungkinan tidak menunjukkan nilai sebenar berdasarkan urusan biasa, telah dibuat pengurangan nilai yang dijangkakan wajar.

Pada tarikh laporan ini, Lembaga tidak mengetahui sebarang keadaan:

- (i) yang boleh menyebabkan jumlah penghapuskiraan hutang lapuk atau jumlah peruntukan jangkaan kerugian kredit bagi hutang ragu dalam penyata kewangan Kumpulan dan KPF tidak mencukupi sehingga jumlah yang ketara; atau
- (ii) yang boleh menyebabkan nilai aset-aset semasa dalam Kumpulan dan KPF mengelirukan; atau

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

LAPORAN LEMBAGA

MAKLUMAT-MAKLUMAT BERKANUN LAIN (SAMB.)

Pada tarikh laporan ini, Lembaga tidak mengetahui sebarang keadaan (Samb.):

- (iii) yang timbul dan menyebabkan kaedah penilaian aset dan liabiliti Kumpulan dan KPF mengelirukan atau tidak sesuai; atau
- (iv) selain daripada yang telah dinyatakan dalam laporan atau penyata kewangan ini, yang boleh menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan dalam akaun penyata kewangan Kumpulan dan KPF mengelirukan.

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

- (i) sebarang cagaran ke atas aset-aset Kumpulan dan KPF yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan ini yang menjadi sandaran terhadap tanggungan pihak lain; atau
- (ii) sebarang tanggungan luar jangka bagi Kumpulan dan KPF yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan.

Tiada tanggungan luar jangka atau tanggungan-tanggungan lain yang telah berkuatkuasa atau berkemungkinan akan dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan ini yang, pada pendapat Lembaga, akan atau mungkin akan menjejaskan keupayaan Kumpulan dan KPF untuk menunaikan tanggungannya apabila tiba masanya kelak.

GANJARAN JURUAUDIT

Jumlah bayaran yang telah dibayar atau akan diterima oleh juruaudit sebagai ganjaran bagi perkhidmatan mereka sebagai juruaudit adalah seperti berikut:

	Kumpulan RM'000	KPF RM'000
Al Jafree Salihin Kuzaimi PLT: - Audit berkanun	<u>368</u>	<u>199</u>

Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, KPF telah bersetuju untuk memberi pampasan kepada juruauditnya, Al Jafree Salihin Kuzaimi PLT, sebagai sebahagian daripada terma perlantikan audit terhadap sebarang tuntutan oleh pihak ketiga yang timbul daripada pelaksanaan audit tersebut (bagi jumlah yang tidak dinyatakan). Tiada bayaran pampasan telah dibuat kepada Al Jafree Salihin Kuzaimi PLT bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

LAPORAN LEMBAGA

JURUAUDIT

Juruaudit, Al Jafree Salihin Kuzaimi PLT telah menyatakan kesanggupan mereka untuk meneruskan perkhidmatan.

Kami bagi pihak Lembaga, mengaku bahawa selain daripada perkara-perkara yang tersebut di atas, tiada perkara lain di dalam pengetahuan kami yang tidak dinyatakan seperti yang dikehendaki oleh Seksyen 59(3), Akta Koperasi 1993.

Bagi Pihak Lembaga
menurut resolusi Lembaga,



.....
DATO' MOHD BANURI BIN ARIS
Pengerusi



.....
AHMAD SYARANI BIN AZULAN
Setiausaha



.....
ISWANIE BINTI TORMODI
Bendahari

Kuala Lumpur, Malaysia

Tarikh: 08 MAY 2026

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

AKUAN BERKANUN

Saya, ISWANIE BINTI TORMODI, selaku Bendahari yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Kumpulan dan KPF, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Kunci Kira-Kira, Penyata Untung atau Rugi, Akaun Pembahagian Berkanun, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai beserta nota-nota didalamnya telah disediakan untuk menunjukkan gambaran sebenar dan saksama tentang Kumpulan dan KPF pada 31 Disember 2025 dan hasil pencapaian serta aliran tunai Kumpulan dan KPF bagi tahun kewangan berakhir tersebut dan mematuhi kehendak Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") dan peruntukan Akta Koperasi, 1993 di Malaysia.

Sebenar dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas di Kuala Lumpur pada 08 MAY 2026



ISWANIE BINTI TORMODI

Di hadapan saya,

Pesuruhjaya Sumpah di **Kuala Lumpur,**
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
pada 08 MAY 2026



568-8-20, 8th Floor,
Kompleks Mutiara
Jalan Ipoh,
51200 Kuala Lumpur

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA
KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD**
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948
yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

Laporan Audit Penyata Kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan Koperasi Pemodalan FELDA Malaysia Berhad ("Kumpulan dan KPF"), yang merangkumi kunci kira-kira Kumpulan dan KPF pada 31 Disember 2025 dan penyata untung atau rugi, akaun pembahagian berkanun, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan ekuiti dan penyata aliran tunai Kumpulan dan KPF bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut, dan nota-nota kepada penyata kewangan, termasuk ringkasan perakaunan yang material, seperti yang dinyatakan pada halaman yang disertakan.

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut memberikan pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan KPF pada 31 Disember 2025, dan prestasi kewangan dan aliran tunai untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut mengikut keperluan dalam Akta Koperasi 1993, di Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), yang diubahsuai menurut Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi (Pindaan) 2020 yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia di bawah Akta Koperasi, 1993 di Malaysia ("Garis Panduan Suruhanjaya Koperasi").

Asas bagi Pendapat

Kami telah melaksanakan pengauditan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa ("ISA"). Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut telah diperincikan di dalam laporan kami pada seksyen Tanggungjawab Juruaudit dalam Pengauditan Penyata Kewangan. Kami percaya bahawa bukti audit yang diperolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas bagi pendapat dalam laporan kami.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Yang Lain

Kami adalah bebas dari Kumpulan dan KPF berdasarkan Undang-Undang Kecil (Etika Profesional, Tindakan dan Amalan) oleh Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Kod Etika Antarabangsa bagi Akauntan Profesional oleh Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa Untuk Akauntan (termasuk Piawaian Kebebasan Antarabangsa) ("Kod IESBA"), dan kami telah mematuhi tanggungjawab etika yang lain berdasarkan Undang-Undang Kecil dan Kod IESBA.

AL JAFREE SALIHIN KUZAIMI PLT
201506002872 (LLP0006652-LCA) & AF 1522
www.salihin.com
ask1522@salihin.com

CORPORATE CENTRE:
Level 25, Menara FELDA,
No. 11 Persiaran KLCC, Platinium Park,
50088 Kuala Lumpur.
Careline : 1 300 55 5678
Email : info@salihin.com

HQ OFFICE:
555, Jalan Samudra Utara 1,
Taman Samudra,
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.
Tel : +603-6185 9970
Fax : +603-6184 2524
Email : ask1522@salihin.com

JOHOR BRANCH:
No. 17-01, Jalan Kolam Air 1,
Taman Nong Chik Heights,
80100 Johor Bahru, Johor Darul Takzim.
Tel : +607-2071 728
Fax : +607-2071 729
Email : salihinjb@salihin.com

SARAWAK BRANCH:
Lot 506, Section 6,
KTLD Jalan Kulas Tengah,
93400 Kuching, Sarawak.
Tel : +6082-240 378
Fax : +6082-240 359
Email : salihinkuching@salihin.com

PERAK BRANCH:
No. 5, Tingkat 1, Taman Ros,
Jalan Sultan Abdullah,
36000 Teluk Intan, Perak Darul Ridzuan.
Tel : +605 623 1602
Fax : +603 6184 2524
Email : askti@salihin.com

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA
KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD (SAMB.)**

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948
yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

Maklumat selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Bebas

Lembaga KPF adalah bertanggungjawab ke atas maklumat yang lain. Maklumat yang lain terdiri daripada Laporan Lembaga dan Akuan Berkanun tetapi tidak termasuk penyata kewangan Kumpulan dan KPF dan Laporan Juruaudit Bebas.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Kumpulan dan KPF tidak meliputi maklumat lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan mengenainya.

Sehubungan dengan pengauditan kami terhadap penyata kewangan Kumpulan dan KPF, kami bertanggungjawab untuk membaca maklumat lain dan mempertimbangkan sama ada maklumat lain tersebut tidak konsisten secara material dengan penyata kewangan Kumpulan dan KPF atau pengetahuan kami yang diperoleh semasa pengauditan atau sebaliknya tersalah nyata secara material.

Jika, berdasarkan kerja yang telah kami laksanakan, sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan, kami dikehendaki melaporkan perkara tersebut. Tiada perkara untuk dilaporkan berkenaan perkara ini.

Tanggungjawab Lembaga ke atas Penyata Kewangan

Lembaga KPF adalah bertanggungjawab ke atas penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan KPF bagi membolehkan ianya memberikan pandangan yang benar dan saksama mengikut keperluan dalam Akta Koperasi 1993, di Malaysia, IFRS dan MFRS yang diubahsuai menurut Garis Panduan Suruhanjaya Koperasi. Lembaga KPF juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman sebagaimana yang ditentukan sebagai perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang material, sama ada disebabkan oleh penipuan ataupun kesilapan.

Dalam proses penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan KPF, Lembaga KPF bertanggungjawab untuk menilai keupayaan usaha berterusan Kumpulan dan KPF, membuat pendedahan, jika perlu, perkara-perkara berkenaan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan Lembaga KPF berniat untuk membubarkan Kumpulan atau KPF atau untuk menutup operasi, atau tiada alternatif realistik selain dari berbuat demikian.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA
KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD (SAMB.)**

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948
yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

Tanggungjawab Juruaudit dalam Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi keyakinan yang munasabah sama ada atau tidak penyata kewangan Kumpulan dan KPF ini, secara keseluruhan, adalah bebas dari salah nyata yang material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesalahan, dan menyediakan laporan juruaudit yang mengandungi pendapat kami. Keyakinan yang munasabah bererti keyakinan yang tinggi, tetapi ianya tidak memberi jaminan bahawa pengauditan yang telah dilaksanakan mengikut piawaian ISA akan sentiasa mengesan salah nyata yang material yang ada. Salah nyata boleh berlaku disebabkan oleh penipuan dan kesalahan dan dikira material jika, secara individu atau secara agregat, ianya memungkinkan untuk mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna yang dibuat berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan yang telah dilaksanakan mengikut piawaian ISA, kami mengamalkan pertimbangan secara profesional dan mengekalkan keraguan profesional di sepanjang tempoh pengauditan. Kami juga:

- Mengenalpasti dan menilai risiko-risiko salah nyata yang material pada penyata kewangan Kumpulan dan KPF, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesalahan, merangka dan melaksanakan prosedur audit sebagai tindak-balas terhadap risiko-risiko tersebut, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian sebagai asas pendapat audit kami. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata yang material akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada kesalahan, sebagaimana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, penipuan secara sengaja, perwakilan yang salah atau melebihi kuasa kawalan dalaman.
- Mendapatkan pemahaman terhadap kawalan dalaman yang relevan kepada audit untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan untuk memberi pendapat tentang keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan dan KPF.
- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kewajaran anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh Lembaga KPF.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA
KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD (SAMB.)**
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948
yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

Tanggungjawab Juruaudit dalam Pengauditan Penyata Kewangan (Samb.)

Sebagai sebahagian daripada pengauditan yang telah dilaksanakan mengikut piawaian ISA, kami mengamalkan pertimbangan secara profesional dan mengekalkan keraguan profesional di sepanjang tempoh pengauditan. Kami juga (Samb.):

- Membuat kesimpulan tentang asas perakaunan usaha berterusan yang diguna pakai oleh Lembaga KPF dan, berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujud ketidakpastian yang ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang memungkinkan keraguan yang ketara tentang kemampuan Kumpulan atau KPF sebagai entiti usaha berterusan. Jika kami menyimpulkan bahawa ketidakpastian yang nyata telah wujud, kami perlu merujuk di dalam laporan juruaudit kepada pendedahan-pendedahan yang berkaitan di dalam penyata kewangan Kumpulan dan KPF atau, jika pendedahan-pendedahan itu tidak memadai, kami akan mengubahsuai pendapat kami. Pendapat kami adalah berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walaubagaimanapun, peristiwa atau keadaan yang berlaku pada masa hadapan memungkinkan Kumpulan atau KPF untuk tidak lagi menjadi entiti usaha berterusan.
- Menilai pembentangan secara keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan Kumpulan dan KPF, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan Kumpulan dan KPF mewakili asas urusaniaga dan peristiwa agar ianya memberi pembentangan yang saksama.
- Merancang dan melaksanakan audit Kumpulan untuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai berkaitan maklumat kewangan entiti atau unit perniagaan dalam Kumpulan sebagai asas untuk membentuk suatu pendapat mengenai penyata kewangan Kumpulan. Kami bertanggungjawab terhadap arahan, penyeliaan dan semakan kerja audit yang dilaksanakan bagi tujuan audit Kumpulan. Kami kekal bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pendapat audit kami.

Kami berkomunikasi dengan Lembaga KPF, diantaranya, skop yang telah dirancang dan tempoh audit dan penemuan audit yang ketara, termasuk sebarang kelemahan ketara dalam kawalan dalaman yang kami temui sepanjang tempoh pengauditan.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA
KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD (SAMB.)**
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948
yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Badan Pengawasan Lain

Menurut keperluan dalam Akta Koperasi 1993, di Malaysia, kami juga melaporkan yang berikut:

- (a) Rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain Kumpulan dan KPF disimpan selaras dengan Seksyen 58 Akta Koperasi 1993;
- (b) Penerimaan, perbelanjaan, pelaburan wang dan juga pembelian dan penjualan aset- aset oleh KPF dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025 adalah selaras dengan peraturan-peraturan Akta Koperasi 1993, Peraturan-Peraturan Koperasi, 1995 di Malaysia dan juga peraturan-peraturan dan undang-undang kecil KPF; dan
- (c) Aset-aset dan liabiliti-liabiliti dalam semua aspek material, dinyatakan dengan saksama mengikut dasar perakaunan.

Perkara-Perkara Lain

Laporan ini dibuat hanya kepada anggota-anggota KPF sebagai satu badan, selaras dengan peruntukan Seksyen 63, Akta Koperasi, 1993 di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana pihak lain mengenai kandungan laporan ini.



AL JAFREE SALIHIN KUZAIMI PLT
201506002872 (LLP0006652-LCA) & AF 1522
AKAUNTAN-AKAUNTAN BERTAULIAH



AHMAD SYHAZAN BIN YAACOB
SKM(B)0597
AKAUNTAN BERTAULIAH

Tarikh: 08 MAY 2026

Selangor, Malaysia

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

KUNCI KIRA-KIRA PADA 31 DISEMBER 2025

	Nota	Kumpulan		KPF	
		2025 RM'000	2024 RM'000	2025 RM'000	2024 RM'000
ASET					
Aset Bukan Semasa					
Hartanah, loji dan peralatan	5	252,806	229,373	60,359	13,123
Tanah untuk pembangunan	6	-	294,218	-	294,218
Aset tidak ketara	7	15,864	115	15,864	115
Bayaran pajakan tertangguh	8	841,535	133,444	830,484	117,069
Pelaburan hartanah	9	637,232	637,994	884,830	824,910
Kepentingan dalam syarikat-syarikat subsidiari	10	-	-	-	55,754
Kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan entiti usaha sama	11	381,880	1,030,194	6,060	47,660
Pembiayaan	12	154,846	210,829	180,278	210,829
Tumbuhan penghasil	13	339,271	115,209	339,271	115,209
Sekuriti pelaburan	14	5,991	35,187	5,091	34,461
Harta bagi Kumpulan Wang Rizab	15	446,775	35,478	795,140	795,140
Kumpulan Wang Likuiditi Pusat	16	22,860	22,860	22,860	22,860
Hak penggunaan aset	17	21,734	23,326	13,794	7,336
Akaun Deposit Koperasi	18	88,275	70,504	88,275	70,504
Jumlah Aset Bukan Semasa		3,209,069	2,838,731	3,242,306	2,609,188

Nota-nota disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

KUNCI KIRA-KIRA PADA 31 DISEMBER 2025 (SAMB.)

		Kumpulan		KPF	
	Nota	2025 RM'000	2024 RM'000	2025 RM'000	2024 RM'000
ASET					
Aset Semasa					
Pembiayaan	12	130,949	137,009	183,436	214,523
Inventori	19	17,162	16,556	9,199	7,825
Aset biologi	20	3,119	422	3,119	422
Penghutang perdagangan	21	89,231	61,558	83,219	57,918
Lain-lain penghutang, deposit dan bayaran terdahulu	22	38,887	40,081	20,294	32,028
Hutang daripada syarikat-syarikat subsidiari	23	-	-	78,098	54,942
Hutang daripada syarikat-syarikat berkaitan	23	14,520	16,342	-	-
Hutang daripada FELDA, syarikat-syarikat bersekutu dan entiti usaha sama	24	9,504	10,920	3,724	5,217
Pulangan cukai		189	1,235	-	-
Tunai dan kesetaraan tunai	25	125,996	46,337	105,012	35,129
		429,557	330,460	486,101	408,004
Aset bukan semasa dipegang untuk jualan	26	-	1,213,113	-	1,213,113
Jumlah Aset Semasa		429,557	1,543,573	486,101	1,621,117
Jumlah Aset		3,638,626	4,382,304	3,728,407	4,230,305
EKUITI DAN LIABILITI					
Dibiayai oleh:					
Modal Syer dan Rizab					
Modal syer	27	2,212,977	2,268,407	2,212,977	2,268,407
Kumpulan Wang Penebusan Syer	28	6,294	9,349	6,294	9,349
Rizab-rizab lain	29	(411,411)	(32,770)	(332,390)	(14,875)
(Kerugian)/Keuntungan terkumpul		(92,931)	238,494	289	172,383
Kumpulan Wang Anggota		1,714,929	2,483,480	1,887,170	2,435,264
Kumpulan Wang Rizab Statutori	30	883,415	865,644	883,415	865,644
Kepentingan tiada kawalan	10	(5,830)	(6,258)	-	-
Jumlah Ekuiti		2,592,514	3,342,866	2,770,585	3,300,908

Nota-nota disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

KUNCI KIRA-KIRA PADA 31 DISEMBER 2025 (SAMB.)

		Kumpulan		KPF	
	Nota	2025 RM'000	2024 RM'000	2025 RM'000	2024 RM'000
LIABILITI					
Liabiliti Bukan Semasa					
Pinjaman	31	476,417	493,593	476,417	493,036
Liabiliti pajakan	17	10,704	17,797	9,383	4,408
Liabiliti cukai tertunda	32	129	295	-	-
Sewa beli	39	137	-	-	-
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa		487,387	511,685	485,800	497,444
Liabiliti Semasa					
Pemiutang perdagangan	33	50,466	48,674	8,430	8,734
Lain-lain pemiutang dan peruntukan	34	224,273	223,035	181,526	181,313
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	35	2,962	3,143	2,962	3,143
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	36	1,481	1,571	1,481	1,571
Hutang kepada syarikat-syarikat subsidiari	23	-	-	17,025	15,877
Hutang kepada syarikat-syarikat berkaitan	23	484	15,060	10	6
Hutang kepada FELDA, syarikat-syarikat bersekutu dan entiti usaha sama	24	58,999	26,754	49,197	18,010
Pinjaman	31	48,433	43,621	47,659	43,278
Liabiliti pajakan	17	11,627	8,548	4,981	3,164
Deposit terhutang	37	85,885	86,053	85,885	86,053
Deposit berjangka	38	254	250	254	250
Sewa beli	39	19	22	-	-
Peruntukan honorarium Lembaga		150	150	150	150
Peruntukan cukai		1,230	468	-	-
Akaun Deposit Koperasi belum bayar	18	72,462	70,404	72,462	70,404
Jumlah Liabiliti Semasa		558,725	527,753	472,022	431,953
Jumlah Liabiliti		1,046,112	1,039,438	957,822	929,397
Jumlah Liabiliti dan Ekuiti		3,638,626	4,382,304	3,728,407	4,230,305

Nota-nota disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

PENYATA UNTUNG ATAU RUGI**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025**

	Nota	Kumpulan		KPF	
		2025 RM'000	2024 RM'000	2025 RM'000	2024 RM'000
Perolehan	41	795,835	747,919	447,283	432,608
Kos jualan	42	(552,432)	(543,143)	(159,147)	(173,074)
Keuntungan kasar		<u>243,403</u>	<u>204,776</u>	<u>288,136</u>	<u>259,534</u>
Lain-lain pendapatan	43	41,206	7,970	44,451	3,342
Perbelanjaan pentadbiran		(70,524)	(73,001)	(29,498)	(23,952)
Kos pengagihan dan pemasaran		(5,076)	(4,250)	-	-
Lain-lain perbelanjaan operasi		(116,907)	(78,873)	(98,743)	(55,491)
Keuntungan daripada operasi	44	<u>92,102</u>	<u>56,622</u>	<u>204,346</u>	<u>183,433</u>
Kos kewangan	45	(28,965)	(28,048)	(26,783)	(26,524)
Bahagian (rugi)/hasil kendalian syarikat-syarikat bersekutu dan entiti usaha sama		<u>(19,378)</u>	<u>44,798</u>	<u>-</u>	<u>-</u>
Keuntungan dipindahkan ke Akaun Pembahagian Keuntungan		<u>43,759</u>	<u>73,372</u>	<u>177,563</u>	<u>156,909</u>

Nota-nota disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

		Kumpulan		KPF	
	Nota	2025 RM'000	2024 RM'000	2025 RM'000	2024 RM'000
Keuntungan sebelum pelarasan operasi		43,759	73,372	177,563	156,909
(Tolak)/Tambah:					
Pelarasan operasi	46	(29,529)	229	(29,473)	229
		14,230	73,601	148,090	157,138
Tolak: Pembahagian Berkanun					
Kumpulan Wang Rizab Statutori (2025: 12%; 2024: 10%)	30	(17,771)	(15,713)	(17,771)	(15,713)
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi (2025: 2%; 2024: 2%)	35	(2,962)	(3,143)	(2,962)	(3,143)
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi (2025: 1%; 2024: 1%)	36	(1,481)	(1,571)	(1,481)	(1,571)
		(22,214)	(20,427)	(22,214)	(20,427)
Baki (kerugian)/keuntungan selepas pembahagian berkanun		(7,984)	53,174	125,876	136,711
Tolak:					
Zakat		(1,202)	(308)	(1,000)	(200)
Cukai	47	(2,537)	(1,296)	-	-
		(11,723)	51,570	124,876	136,511
Tolak: Pembahagian Lain					
Cadangan honorarium		(150)	(150)	(150)	(150)
- Tahun semasa		-	150	-	150
- Pembalikan honorarium tahun terdahulu		(6,294)	(6,836)	(6,294)	(6,836)
Kumpulan Wang Penebusan Syer		(6,444)	(6,836)	(6,444)	(6,836)
		(18,167)	44,734	118,432	129,675
(Tolak)/Tambah: Pelarasan bukan operasi	46	(210,730)	11,508	(188,426)	11,508
(Kerugian)/Keuntungan bersih bagi tahun semasa		(228,897)	56,242	(69,994)	141,183
Pengagihan (kerugian)/keuntungan bersih berkaitan dengan:					
Pemegang syer KPF		(229,325)	55,084	(69,994)	141,183
Kepentingan tiada kawalan	10	428	1,158	-	-
		(228,897)	56,242	(69,994)	141,183

Nota-nota disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025**

	Nota	Kumpulan		KPF	
		2025	2024	2025	2024
		RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
(Kerugian)/Keuntungan bersih bagi tahun semasa		(228,897)	56,242	(69,994)	141,183
Lain-lain keuntungan komprehensif:					
<u>Item yang mungkin diklasifikasikan semula ke untung atau rugi</u>					
- Perubahan sekuriti pelaburan	14	(1,917)	(2,242)	(1,910)	(2,181)
- Realisasi sekuriti pelaburan	14	-	51	-	51
- Bahagian kerugian komprehensif syarikat-syarikat bersekutu	11	(121)	(717)	-	-
		<u>(2,038)</u>	<u>(2,908)</u>	<u>(1,910)</u>	<u>(2,130)</u>
Jumlah (kerugian)/keuntungan komprehensif bagi tahun semasa		<u>(230,935)</u>	<u>53,334</u>	<u>(71,904)</u>	<u>139,053</u>
Pengagihan (kerugian)/keuntungan komprehensif berkaitan dengan:					
Pemegang syer KPF		(231,354)	52,176	(71,904)	139,053
Kepentingan tiada kawalan	10	419	1,158	-	-
		<u>(230,935)</u>	<u>53,334</u>	<u>(71,904)</u>	<u>139,053</u>

Nota-nota disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

**PENYATA PERUBAHAN EKUITI DISATUKAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025**

Kumpulan	Modal syer (Nota 27) RM'000	Keuntungan/ (Kerugian) terkumpul RM'000	Kumpulan wang penebusan syer (Nota 28) RM'000	Rizab-rizab lain (Nota 29) RM'000	Kumpulan wang anggota RM'000	Kumpulan wang rizab statutori (Nota 30) RM'000	Kepentingan tiada kawalan (Nota 10) RM'000	Jumlah RM'000
Baki pada 1 Januari 2025	2,268,407	238,494	9,349	(32,770)	2,483,480	865,644	(6,258)	3,342,866
Tambahan dalam tahun	6,742	-	-	-	6,742	-	-	6,742
Dividen dikreditkan	48,070	-	-	-	48,070	-	-	48,070
Kurangan dalam tahun	(110,242)	-	(9,349)	-	(119,591)	-	-	(119,591)
Rosotnilai semasa	-	-	-	(383,388)	(383,388)	-	-	(383,388)
Pindahan keuntungan nilai saksama ke rizab nilai saksama	-	-	-	(2,355)	(2,355)	-	-	(2,355)
Pengeluaran dalam tahun semasa	-	-	-	(209)	(209)	-	-	(209)
Pelarasan operasi dan bukan operasi	-	-	-	9,349	9,349	-	-	9,349
Pembahagian kerugian	-	(229,325)	6,294	-	(223,031)	17,771	428	(204,832)
<u>Item yang mungkin diklasifikasikan semula ke untung atau rugi:</u>								
Perubahan sekuriti pelaburan	-	-	-	(1,917)	(1,917)	-	-	(1,917)
Bahagian kerugian komprehensif syarikat-syarikat bersekutu	-	-	-	(121)	(121)	-	-	(121)
Dividen	-	(102,100)	-	-	(102,100)	-	-	(102,100)
Baki pada 31 Disember 2025	2,212,977	(92,931)	6,294	(411,411)	1,714,929	883,415	(5,830)	2,592,514

Nota-nota disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

PENYATA PERUBAHAN EKUITI DISATUKAN**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025 (SAMB.)****Kumpulan**

	Modal syer (Nota 27) RM'000	Keuntungan terkumpul RM'000	Kumpulan wang penebusan syer (Nota 28) RM'000	Rizab-rizab lain (Nota 29) RM'000	Kumpulan wang anggota RM'000	Kumpulan wang rizab statutori (Nota 30) RM'000	Kepentingan tiada kawalan (Nota 10) RM'000	Jumlah RM'000
Baki pada 1 Januari 2024	2,310,587	301,233	2,513	(32,730)	2,581,603	849,931	(7,416)	3,424,118
Tambahan dalam tahun	7,967	-	-	-	7,967	-	-	7,967
Dividen dikreditkan	47,669	-	-	-	47,669	-	-	47,669
Kurangan dalam tahun	(97,816)	-	-	-	(97,816)	-	-	(97,816)
Pindahan kerugian nilai saksama ke rizab nilai saksama	-	-	-	3,257	3,257	-	-	3,257
Realisasi kerugian nilai saksama semasa penjualan	-	-	-	(12)	(12)	-	-	(12)
Sumbangan dalam tahun semasa	-	-	-	(379)	(379)	-	-	(379)
Pembahagian keuntungan	-	55,084	6,836	-	61,920	15,713	1,158	78,791
<u>Item yang mungkin diklasifikasikan semula ke untung atau rugi:</u>								
Perubahan sekuriti pelaburan	-	-	-	(2,242)	(2,242)	-	-	(2,242)
Realisasi sekuriti pelaburan semasa penjualan	-	-	-	51	51	-	-	51
Bahagian kerugian komprehensif syarikat-syarikat bersekutu	-	-	-	(715)	(715)	-	-	(715)
Dividen	-	(117,823)	-	-	(117,823)	-	-	(117,823)
Baki pada 31 Disember 2024	2,268,407	238,494	9,349	(32,770)	2,483,480	865,644	(6,258)	3,342,866

Nota-nota disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

PENYATA PERUBAHAN EKUITI**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025**

KPF	Modal syer (Nota 27) RM'000	Keuntungan terkumpul RM'000	Kumpulan wang penebusan syer (Nota 28) RM'000	Rizab-rizab lain (Nota 29) RM'000	Kumpulan wang anggota RM'000	Kumpulan wang rizab statutori (Nota 30) RM'000	Jumlah RM'000
Baki pada 1 Januari 2025	2,268,407	172,383	9,349	(14,875)	2,435,264	865,644	3,300,908
Tambahan dalam tahun semasa	6,742	-	-	-	6,742	-	6,742
Dividen dikreditkan	48,070	-	-	-	48,070	-	48,070
Kurangan dalam tahun semasa	(110,242)	-	(9,349)	-	(119,591)	-	(119,591)
Rosotnilai semasa	-	-	-	(383,388)	(383,388)	-	(383,388)
Pindahan keuntungan nilai saksama ke rizab nilai saksama	-	-	-	58,645	58,645	-	58,645
Pengeluaran dalam tahun semasa	-	-	-	(211)	(211)	-	(211)
Pembahagian kerugian	-	(69,994)	6,294	-	(63,700)	17,771	(45,929)
Pelarasan operasi dan bukan operasi	-	-	-	9,349	9,349	-	9,349
<u>Item yang mungkin diklasifikasikan semula ke untung atau rugi:</u>							
Perubahan sekuriti pelaburan	-	-	-	(1,910)	(1,910)	-	(1,910)
Dividen	-	(102,100)	-	-	(102,100)	-	(102,100)
Baki pada 31 Disember 2025	2,212,977	289	6,294	(332,390)	1,887,170	883,415	2,770,585

Nota-nota disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

PENYATA PERUBAHAN EKUITI**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025 (SAMB.)**

KPF	Modal syer (Nota 27) RM'000	Keuntungan terkumpul RM'000	Kumpulan wang penebusan syer (Nota 28) RM'000	Rizab-rizab lain (Nota 29) RM'000	Kumpulan wang anggota RM'000	Kumpulan wang rizab statutori (Nota 30) RM'000	Jumlah RM'000
Baki pada 1 Januari 2024	2,310,587	149,450	2,513	(15,613)	2,446,937	849,931	3,296,868
Tambahan dalam tahun	7,967	-	-	-	7,967	-	7,967
Dividen dikreditkan	47,669	-	-	-	47,669	-	47,669
Kurangan dalam tahun	(97,816)	-	-	-	(97,816)	-	(97,816)
Pindahan kerugian nilai saksama ke rizab nilai saksama	-	-	-	3,257	3,257	-	3,257
Realisasi kerugian nilai saksama semasa penjualan	-	-	-	(12)	(12)	-	(12)
Sumbangan dalam tahun semasa	-	-	-	(377)	(377)	-	(377)
Pembahagian keuntungan	-	141,183	6,836	-	148,019	15,713	163,732
<u>Item yang mungkin diklasifikasikan semula ke untung atau rugi:</u>							
Perubahan sekuriti pelaburan	-	-	-	(2,181)	(2,181)	-	(2,181)
Realisasi sekuriti pelaburan semasa penjualan	-	-	-	51	51	-	51
Dividen	-	(118,250)	-	-	(118,250)	-	(118,250)
Baki pada 31 Disember 2024	2,268,407	172,383	9,349	(14,875)	2,435,264	865,644	3,300,908

Nota-nota disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

PENYATA ALIRAN TUNAI**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025**

	Kumpulan		KPF	
	2025	2024	2025	2024
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Aliran tunai daripada aktiviti-aktiviti operasi				
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	43,759	73,372	177,563	156,909
Pelarasan untuk:				
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	15,294	9,142	7,304	2,438
Susutnilai atas hak penggunaan aset	9,941	5,804	3,774	3,405
Perubahan nilai saksama sekuriti pelaburan tidak direalisasi	1,917	1,963	1,910	1,963
Keuntungan dari nilai saksama aset biologi	-	(2,270)	-	(2,270)
Kos kewangan	28,965	28,048	26,783	26,524
Pelunasan bayaran pajakan tertangguh	15,643	1,531	15,641	1,528
Pelunasan aset tidak ketara	79	110	79	110
Pelunasan tumbuhan penghasil	10,990	2,229	10,990	2,229
Perolehan dividen	(9,407)	(9,406)	(121,306)	(130,746)
Peruntukan jangkaan kerugian kredit:				
- penghutang dagangan	1,728	3,883	1,728	1,076
Penarikbalikan peruntukan jangkaan kerugian kredit:				
- penghutang dagangan	(1,802)	(11)	-	-
Penarikbalikan peruntukan inventori usang	(3)	(24)	-	-
Hapuskira hartanah, loji dan peralatan	294	14	-	-
Keuntungan daripada jualan hartanah, loji dan peralatan	-	(250)	-	-
Keuntungan daripada jualan kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu	(28,284)	-	(42,365)	-
Keuntungan daripada jualan pelaburan hartanah	-	(422)	-	(422)
Bahagian (rugi)/hasil kendalian syarikat-syarikat bersekutu dan entiti usaha sama	19,378	(44,798)	-	-
Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja (dibawa ke hadapan)	108,492	68,915	82,101	62,744

Nota-nota disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025 (SAMB.)

	Kumpulan		KPF	
	2025	2024	2025	2024
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Aliran tunai daripada aktiviti-aktiviti operasi (Samb.)				
Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja (dibawa dari belakang)	108,492	68,915	82,101	62,744
<u>Perubahan modal kerja:</u>				
<i>(Penambahan)/Pengurangan dalam:</i>				
Inventori	(603)	614	(1,374)	(420)
Penghutang perdagangan	(29,260)	(19,014)	(28,690)	(37,022)
Lain-lain penghutang, deposit dan bayaran terdahulu	(14,879)	30,158	(24)	(338)
Deposit pulangan	-	34	-	-
Hutang daripada FELDA, syarikat-syarikat bersekutu dan entiti usaha sama serta syarikat berkaitan	(32,225)	27,757	1,493	(1,177)
Hutang daripada syarikat subsidiari	-	-	(23,156)	(9,884)
<i>Penambahan/(Pengurangan) dalam :</i>				
Pemiutang perdagangan, lain-lain peruntukan	127,126	38,578	15,951	17,946
Hutang kepada FELDA, syarikat-syarikat bersekutu dan entiti usaha sama serta syarikat berkaitan	52,404	26,130	31,188	9,698
Hutang kepada syarikat-syarikat subsidiari	-	-	1,148	6,283
Tunai dihasilkan dalam operasi	211,055	173,172	78,637	47,830
Pembayaran zakat	(974)	(122)	(666)	(122)
Pembayaran cukai	(1,501)	(1,468)	-	-
Tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti-aktiviti operasi	<u>208,580</u>	<u>171,582</u>	<u>77,971</u>	<u>47,708</u>

Nota-nota disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025 (SAMB.)

	Kumpulan		KPF	
	2025	2024	2025	2024
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Aliran tunai untuk bayaran berkanun dan agihan				
Pembayaran Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	(3,143)	(1,155)	(3,143)	(1,155)
Pembayaran Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	(1,571)	(578)	(1,571)	(578)
Tabung-tabung lain	-	47	-	47
Bayaran honorarium Lembaga	(150)	-	(150)	-
Pengeluaran wang daripada Tabung Khairat Kematian	(209)	(377)	(211)	(377)
Tunai bersih digunakan dalam bayaran berkanun dan agihan	(5,073)	(2,063)	(5,075)	(2,063)
Aliran tunai daripada aktiviti-aktiviti pelaburan				
Dividen diterima	9,407	9,406	121,306	130,746
Tambahan atas pembiayaan	(73,784)	(20,306)	(27,532)	(20,801)
Penerimaan daripada penjualan hartanah, loji dan peralatan	-	3,630	-	-
Penerimaan daripada penjualan pelaburan hartanah	-	4,400	-	4,400
Tambahan tumbuhan penghasil	(15,871)	(8,964)	(15,871)	(8,964)
Tambahan hartanah, loji dan peralatan	(5,639)	(4,637)	(3,826)	(1,798)
Tambahan pelaburan hartanah	(318)	-	-	-
Terimaan pelunasan aset biologi	-	93	-	93
Pembelian dalam syarikat bersekutu dan entiti usaha sama	(62,124)	(200)	(62,124)	(200)
Penerimaan dari pelupusan kepentingan dalam syarikat-syarikat subsidiari	-	1,000	-	1,000
Penerimaan dari pelupusan kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu	229,751	-	229,751	-
Tambahan aset bukan semasa dipegang untuk jualan	-	(11,165)	-	(11,165)
Tambahan sekuriti pelaburan	(630)	-	(449)	-
Penerimaan dari pelupusan sekuriti pelaburan	-	1,717	-	1,717
Tunai bersih dihasilkan daripada/ (digunakan dalam) aktiviti-aktiviti pelaburan	80,792	(25,026)	241,255	95,028

Nota-nota disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025 (SAMB.)

	Kumpulan		KPF	
	2025	2024	2025	2024
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Aliran tunai daripada aktiviti-aktiviti pembiayaan				
Penerimaan/(Pembayaran) pinjaman (bersih)	34,293	38,317	(12,238)	38,317
Penerbitan syer anggota	6,741	55,636	6,741	55,636
Dividen dibayar kepada pemegang syer KPF	(80,543)	(108,732)	(80,543)	(108,732)
Penebusan syer anggota	(110,242)	(97,816)	(110,242)	(97,816)
Pembayaran akaun deposit koperasi koperasi belum bayar	(15,713)	(100)	(15,713)	(100)
Pembayaran balik liabiliti pajakan	(12,229)	(9,038)	(5,326)	(3,465)
Pembayaran balik sewa beli	-	(44)	-	-
Pembayaran deposit terhutang	(168)	(142)	(168)	(142)
Kos kewangan bersih dibayar	(26,783)	(28,048)	(26,783)	(26,524)
Penerimaan deposit berjangka	4	4	4	4
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti-aktiviti pembiayaan	(204,640)	(149,963)	(244,268)	(142,822)
Penambahan/(Pengurangan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	79,659	(5,470)	69,883	(2,149)
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	46,337	51,807	35,129	37,278
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	125,996	46,337	105,012	35,129
Tunai dan kesetaraan tunai diwakili oleh:				
Deposit/Simpanan	44,900	3,000	44,900	3,000
Bank di bank dan wang tunai	81,096	43,337	60,112	32,129
	125,996	46,337	105,012	35,129

Nota-nota disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

1. MAKLUMAT AM

KPF ini ditubuhkan dengan tujuan menggalakkan penyimpanan wang oleh anggota-anggota, mengadakan kemudahan-kemudahan pelaburan bagi wang-wang yang disimpan dan meninggikan taraf ekonomi anggota-anggota hasil daripada kegiatan simpanan dan pelaburan wang, dan menawarkan kemudahan pembiayaan patuh syariah untuk anggota-anggota. KPF juga terlibat dengan aktiviti perladangan kelapa sawit dan aktiviti pelaburan hartanah.

Kegiatan utama syarikat-syarikat subsidiari adalah seperti yang dinyatakan di Nota 10.

Pejabat berdaftar perniagaan KPF terletak di Tingkat 8, Balai Felda, Jalan Gurney 1, 54000 Kuala Lumpur, Malaysia.

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan Kumpulan dan KPF telah disediakan mengikut peruntukan-peruntukan dalam Akta Koperasi 1993, Piawaian Pelaporan Kewangan Antrabangsa ("IFRS") dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), yang diubahsuai menurut Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi (Pindaan) 2020 yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia di bawah Akta Koperasi, 1993 di Malaysia.

Penyata-penyata kewangan bagi syarikat-syarikat subsidiari telah disediakan mengikut IFRS, MFRS dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 2016 di Malaysia.

Penyata kewangan telah disediakan berdasarkan kelaziman kos sejarah melainkan yang dinyatakan dalam nota-nota yang berkaitan.

Penyata kewangan Kumpulan dan KPF dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM) yang juga merupakan fungsi matawang utama Kumpulan dan KPF dan telah dibundarkan ke nilai ribu terdekat, kecuali dinyatakan sebaliknya.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMB.)

2.1 Pengkuatkuasaan piawaian baru dan pindaan kepada MFRS

Dalam tahun kewangan semasa, Kumpulan dan KPF menerima pakai piawaian perakaunan dan pindaan kepada MFRS yang berkuatkuasa bagi tempoh kewangan tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2025 seperti berikut:

Pindaan

Pindaan kepada MFRS 121

Pindaan kepada Konsep Rujukan

Kekurangan kebolehtukaran¹

Penggunaan piawaian baru dan pindaan kepada MFRS di atas tidak memberi kesan kewangan ketara kepada pendedahan atau amaun di dalam penyata kewangan Kumpulan dan KPF.

2.2 Piawaian dan pindaan kepada MFRS yang dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa

Piawaian dan pindaan kepada MFRS yang dikeluarkan tetapi belum berkuat kuasa sehingga tarikh penerbitan penyata kewangan Kumpulan dan KPF dinyatakan seperti berikut:

Pindaan

Penambahbaikan Tahunan kepada

Piawaian Perakaunan

MFRS - Jilid 11¹

Pindaan kepada MFRS 9
dan MFRS 7

Pindaan kepada MFRS 18

Pindaan kepada MFRS 19

Pindaan kepada MFRS 121

Pindaan kepada MFRS 10
dan MFRS 128

Pindaan kepada Konsep Rujukan

Pengkelasan dan pengukuran instrumen kewangan
dan kontrak merujuk kepada elektrik bergantung
kepada alam semula jadi¹

Pembentangan dan pendedahan penyata kewangan²

Anak Syarikat tanpa Akauntabiliti Awam (Pendedahan)²

Kesan Perubahan dalam Kadar Pertukaran Asing
- Kekurangan Kebolehtukaran²

Penjualan aset antara pelabur dan syarikat-syarikat
bersekutu dan usaha sama³

¹Berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2026.

²Berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2027.

³Penangguhan kepada tarikh yang akan diumumkan oleh MASB.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMB.)

2.2 Piawaian dan pindaan kepada MFRS yang dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa (Samb.)

Piawaian dan pindaan kepada MFRS di atas akan diterima pakai di dalam penyata kewangan tahunan Kumpulan dan KPF apabila ia berkuat kuasa dan penggunaan Piawaian dan pindaan kepada MFRS ini tidak mempunyai kesan ketara ke atas penyata kewangan Kumpulan dan KPF dalam tempoh permohonan awal.

a) MFRS 18 : Pembentangan dan pendedahan penyata kewangan

MFRS 18 memperkenalkan kategori dan jumlah baru dalam penyata untung atau rugi. Ia juga memerlukan pendedahan ukuran prestasi yang ditakrifkan oleh pengurusan dan merangkumi keperluan baharu berkaitan lokasi, pengagregatan dan pengagihan maklumat kewangan.

Penyata untung rugi

MFRS 18 memerlukan entiti untuk mengelaskan semua pendapatan dan perbelanjaan dalam penyata untung rugi kepada salah satu daripada lima kategori: operasi; pelaburan; pembiayaan; cukai pendapatan; dan operasi yang dihentikan. MFRS 18 juga memerlukan entiti untuk membentangkan subjumlah dan jumlah bagi untung atau rugi operasi.

Ukuran prestasi yang ditakrifkan oleh pengurusan

MFRS 18 memperkenalkan konsep ukuran prestasi yang ditakrifkan oleh pengurusan ("*Management-defined performance Measure*") (MPM) yang ditakrifkan sebagai jumlah pendapatan dan perbelanjaan yang digunakan oleh entiti dalam komunikasi awam di luar penyata kewangan, untuk menyampaikan pandangan pengurusan mengenai aspek prestasi kewangan entiti secara keseluruhan kepada pengguna. MFRS 18 juga memerlukan pendedahan maklumat mengenai semua MPM entiti dalam satu nota tunggal kepada penyata kewangan dan mewajibkan beberapa pendedahan dibuat bagi setiap MPM, termasuk cara ukuran itu dikira dan perbandingan kepada subjumlah paling sebanding yang dinyatakan oleh MFRS 18 atau piawaian perakaunan MFRS lain.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMB.)

2.2 Piawaian dan pindaan kepada MFRS yang dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa (Samb.)

a) MFRS 18 : Pembentangan dan pendedahan penyata kewangan (Samb.)

Lokasi maklumat, pengagregatan dan pengagihan

MFRS 18 membezakan antara ‘membentangkan’ maklumat dalam penyata kewangan utama dan ‘mendedahkan’ maklumat tersebut dalam nota kepada penyata kewangan, serta memperkenalkan prinsip untuk menentukan lokasi maklumat berdasarkan ‘peranan’ yang dikenal pasti bagi penyata kewangan utama dan nota. MFRS 18 juga memerlukan pengagregatan dan pengagihan maklumat dilakukan dengan merujuk kepada ciri-ciri yang serupa dan tidak serupa.

Kumpulan dan KPF kini sedang menilai impak kewangan yang mungkin timbul daripada penggunaan MFRS 18.

2.3 Andaian Usaha Berterusan

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025, Kumpulan mencatatkan kerugian bersih sebanyak dan RM 228,897,000 dengan jumlah liabiliti semasa melebihi jumlah aset semasa sebanyak RM129,168,000. Keadaan ini menunjukkan wujudnya ketidakpastian yang boleh menimbulkan keraguan signifikan terhadap keupayaan Kumpulan untuk meneruskan operasi sebagai usaha berterusan.

Penyata kewangan telah disediakan berasaskan andaian usaha berterusan, iaitu andaian bahawa Kumpulan dan Koperasi akan terus beroperasi pada masa hadapan yang dapat dijangka serta berupaya merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti dalam perjalanan biasa perniagaan.

Dalam menilai kesesuaian penggunaan andaian usaha berterusan, pihak pengurusan telah mengambil kira kedudukan kewangan semasa Kumpulan dan Koperasi, keperluan kecairan, unjuran aliran tunai serta prospek perniagaan pada masa hadapan. Penilaian tersebut turut mempertimbangkan plan perniagaan strategik dan inisiatif yang telah dibangunkan bagi tempoh 2026 hingga 2028 untuk memperkukuh prestasi operasi, meningkatkan kedudukan aliran tunai serta memastikan kelestarian operasi Kumpulan dan Koperasi dalam jangka panjang.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMB.)

2.3 Andaian Usaha Berterusan (Samb.)

Antara inisiatif utama yang dipertimbangkan oleh pihak pengurusan termasuklah:

1) Peningkatan Prestasi Perolehan Kumpulan

Kesesuain andaian berterusan mengambil kira pertumbuhan hasil daripada aktiviti pengurusan fasiliti, jualan "house brand", pendapatan sewa, perdagangan serta perkhidmatan catering. Kumpulan dijangka menerima jaminan keuntungan bagi tempoh lima tahun pertama hasil daripada perjanjian usaha sama yang dipersetujui. Di samping itu, pendapatan sewa diandaikan meningkat sebanyak 5% setahun dalam sektor runcit, disokong oleh pembukaan keseluruhan 201 kedai dalam tempoh 5 tahun. Asas usaha berterusan Kumpulan turut mengambil kira peluang pelaburan berkaitan aset stesen minyak dan operasi berkaitan, yang dijangka dapat menjana aliran tunai operasi berulang melalui hasil jualan bahan api, operasi kedai runcit dan pendapatan sewaan.

2) Pelupusan aset terpilih bagi meningkatkan kecairan

Kumpulan telah mengenal pasti aset-aset terpilih untuk tujuan pelupusan, merangkumi aset perladangan, pelaburan hartanah dan sekuriti pelaburan. Aset-aset tersebut termasuk Ladang Samarahan dan beberapa pelaburan hartanah tertentu yang telah dikenal pasti oleh pihak pengurusan sebagai sebahagian daripada pelan penstrukturan dan pengoptimuman aset Kumpulan. Pelaksanaan pelupusan aset ini merupakan sebahagian daripada strategi Kumpulan untuk meningkatkan kedudukan kecairan, memperkukuh aliran tunai serta menyediakan sumber dana tambahan bagi menampung keperluan operasi dan komitmen kewangan Kumpulan. Dalam menyediakan unjuran aliran tunai, pihak pengurusan telah mengambil kira jangkaan penerimaan tunai daripada pelaksanaan pelupusan aset tersebut.

3) Penstrukturan semula pembiayaan dan pengurusan modal kerja

Kumpulan telah merangka pelan untuk menstruktur semula kemudahan pembiayaannya, termasuk penubuhan modal syer sekiranya bersesuaian dan penstrukturan semula hutang tertentu bagi memastikan pembayaran kepada pemiutang dan pembiaya dapat dibuat apabila ia perlu. Di samping itu, syarikat usaha sama Kumpulan dijangka akan mengambil alih hutang dagangan tertentu Kumpulan, yang dijangka akan diselesaikan dalam tempoh lima tahun. Langkah-langkah ini dijangka dapat mengurangkan kos kewangan tahunan Kumpulan, menambah baik pengurusan modal kerja serta memperkukuh kedudukan kecairan Kumpulan sepanjang tempoh lima tahun.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMB.)

2.3 Andaian Usaha Berterusan (Samb.)

Ahli Lembaga berpendapat bahawa asas usaha berterusan yang digunakan dalam penyediaan penyata kewangan adalah bersesuaian setelah mengambil kira pelaksanaan pelan perniagaan tersebut serta jangkaan bahawa Kumpulan akan dapat menjana aliran tunai yang mencukupi untuk memenuhi obligasinya apabila ia perlu dibayar. Sehubungan itu, Ahli Lembaga berpendapat bahawa tiada ketidakpastian material yang boleh menimbulkan keraguan signifikan terhadap keupayaan Kumpulan untuk meneruskan operasi sebagai usaha berterusan.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL

3.1 Pengukuran nilai saksama

Nilai saksama adalah nilai yang akan diterima bagi penjualan sesuatu aset atau nilai yang patut dibayar bagi pengambilalihan sesuatu liabiliti di antara peserta pasaran di dalam transaksi yang teratur pada tarikh penilaian, walaupun nilai itu boleh disahkan secara langsung atau berdasarkan teknik penilaian lain.

Di dalam menganggarkan nilai saksama sesuatu aset atau liabiliti, Kumpulan dan KPF mengambil kira ciri-ciri aset dan liabiliti tersebut dengan andaian peserta pasaran akan mengambil kira ciri-ciri tersebut di dalam menilai aset dan liabiliti tersebut pada tarikh penilaian. Nilai saksama bagi pengukuran/pendedahan bagi tujuan penyata kewangan disatukan ditentukan berdasarkan asas di atas kecuali bagi bayaran berasaskan saham yang tertakluk kepada MFRS 2, pajakan yang tertakluk kepada MFRS 16 dan pengukuran yang serupa dengan nilai saksama tetapi bukan nilai saksama, seperti nilai realisasi bersih di dalam MFRS 102 atau nilai boleh guna di dalam MFRS 136.

3.2 Anak-anak syarikat dan asas penyatuan

Bagi tujuan pelaporan kewangan, nilai saksama dikategorikan kepada tahap 1,2 dan 3 bergantung kepada input yang digunakan bagi menentukan nilai saksama dan kesan input tersebut dalam penentuan nilai saksama seperti di bawah:

- Tahap 1 meliputi harga-harga tersiar (tanpa diubah) di dalam pasaran aktif untuk aset dan liabiliti sepadan.
- Tahap 2 meliputi input, selain harga-harga tersiar di dalam Tahap 1, yang boleh mencerap aset ataupun liabiliti samaada secara langsung atau tidak langsung.
- Tahap 3 meliputi input yang tidak berdasarkan cerapan data pada aset dan liabiliti tersebut.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)

3.2 Anak-anak syarikat dan asas penyatuan (Samb.)

Penyata kewangan disatukan merangkumi penyata kewangan KPF dan entiti (termasuk entiti berstruktur) yang dikawal oleh KPF dan anak-anak syarikatnya. Kawalan dicapai apabila KPF mempunyai kuasa ke atas penerima pelaburan, terdedah, atau mempunyai hak, kepada pulangan berubah daripada penglibatannya dengan penerima pelaburan, dan mempunyai kebolehan untuk menggunakan kuasanya bagi mempengaruhi pulangannya.

KPF mentaksir semula sama ada ia menguasai penerima pelaburan jika fakta dan keadaan menunjukkan terdapat perubahan kepada satu atau lebih daripada tiga elemen kawalan yang dinyatakan di atas.

Apabila KPF mempunyai kurang daripada hak mengundi majoriti atas penerima pelaburan, ia mempunyai kuasa atas penerima pelaburan apabila hak mengundi adalah mencukupi untuk memberikannya kebolehan secara praktikal untuk mengarahkan aktiviti yang berkaitan dengan penerima pelaburan secara unilateral. KPF perlu menimbang semua fakta dan keadaan yang berkaitan dalam mentaksir sama ada hak mengundi KPF sebagai penerima pelaburan adalah mencukupi untuk memberikannya kuasa, termasuk:

- saiz pegangan KPF atas hak mengundi berbanding saiz dan sebaran pegangan pemegang undi yang lain;
- potensi hak mengundi yang dipegang oleh KPF, pemegang undi yang lain atau pihak lain;
- hak yang timbul daripada pengaturan kontrak yang lain; dan
- sebarang fakta dan keadaan tambahan yang menunjukkan KPF mempunyai, atau tidak mempunyai, kebolehan pada waktu semasa untuk mengarahkan aktiviti yang berkaitan pada masa keputusan perlu dibuat, termasuk corak undian pada mesyuarat pemegang syer yang lepas.

Penyatuan anak syarikat bermula apabila KPF memperoleh kawalan atas anak syarikat dan berhenti apabila KPF kehilangan kawalan atas anak syarikat. Secara khusus, pendapatan dan perbelanjaan anak syarikat yang diperoleh atau dilupuskan pada tahun semasa adalah dimasukkan di dalam untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain dari tarikh KPF memperoleh kawalan sehingga tarikh apabila KPF tidak lagi mempunyai kawalan atas anak syarikat.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)

3.2 Anak-anak syarikat dan asas penyatuan (Samb.)

Untung atau rugi dan setiap komponen pendapatan komprehensif lain adalah dinisbahkan kepada pemilik KPF dan kepada kepentingan tiada kawalan. Jumlah pendapatan komprehensif anak-anak syarikat adalah dinisbahkan kepada KPF dan kepada kepentingan tiada kawalan walaupun jika ianya menyebabkan kepentingan tiada kawalan mempunyai baki defisit.

Apabila perlu, pelarasan dibuat kepada penyata kewangan anak-anak syarikat untuk menyamakan dasar perakaunan mereka selaras dengan polisi perakaunan Kumpulan. Semua urusan aset dan liabiliti, ekuiti, pendapatan, perbelanjaan dan penyata aliran tunai antara Kumpulan dihapuskan sepenuhnya semasa penyatuan.

Perubahan dalam kepentingan pemilikan Kumpulan dalam anak syarikat yang tidak mengakibatkan Kumpulan kehilangan kawalan diambilkira sebagai urusan niaga ekuiti. Amaun dibawa bagi kepentingan Kumpulan dan kepentingan tiada kawalan dilaraskan untuk mencerminkan perubahan dalam kepentingan relatif dalam anak syarikat. Sebarang perbezaan antara amaun yang mana kepentingan tiada kawalan dilaraskan dan nilai saksama pertimbangan yang dibayar atau diterima diiktiraf secara langsung dalam ekuiti yang dikaitkan kepada pemilikan KPF.

Apabila Kumpulan kehilangan kawalan atas anak syarikat, keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi dan dikira sebagai perbezaan antara (i) agregat nilai saksama pertimbangan yang diterima dan nilai saksama sebarang kepentingan tertahan dan (ii) amaun dibawa aset sebelumnya (termasuk muhibah), dan liabiliti anak syarikat dan apa-apa kepentingan tiada kawalan. Amaun yang sebelumnya diiktiraf sebagai pendapatan komprehensif lain dan diambilkira seolah-olah Kumpulan telah melupuskan aset. Nilai saksama bagi apa-apa pelaburan yang disimpan oleh anak syarikat terdahulu pada tarikh apabila kawalan hilang dianggap sebagai nilai saksama pada pengiktirafan permulaan bagi perakaunan berikutnya di bawah MFRS 139 dimana berkenaan, kos pada pengiktirafan awal pelaburan dalam entiti bersekutu atau usaha sama.

3.3 Kombinasi perniagaan

Pemerolehan anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat perniagaan diambilkira dengan menggunakan kaedah perolehan. Pertimbangan yang dipindahkan dalam kombinasi perniagaan diukur pada nilai saksama yang dikira sebagai jumlah daripada tarikh pemerolehan nilai saksama aset yang dipindahkan oleh Kumpulan, liabiliti yang ditanggung oleh Kumpulan kepada pemilik terdahulu yang diperolehi dan instrumen ekuiti yang diterbitkan oleh Kumpulan dalam pertukaran untuk kawalan yang diperolehi. Kos berkaitan perolehan diiktiraf dalam untung atau rugi apabila ditanggung.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)

3.3 Kombinasi perniagaan (Samb.)

Pada tarikh perolehan, aset boleh dikenal pasti yang diperoleh dan liabiliti yang diambil alih diiktiraf pada nilai saksama, kecuali:

- aset atau liabiliti cukai tertunda dan aset atau liabiliti yang berkaitan dengan pengaturan manfaat pekerja di mana masing-masing adalah diukur dan diiktiraf berdasarkan MFRS 112 *Cukai Pendapatan* dan MFRS 119 *Manfaat Pekerja* ;
- liabiliti atau instrumen ekuiti yang berkaitan dengan pengaturan pembayaran berasaskan saham yang diperoleh atau pengaturan pembayaran berasaskan saham Kumpulan telah dimeterai untuk menggantikan pengaturan pembayaran berasaskan saham yang diperoleh diukur mengikut MFRS 2 *Pembayaran Berasaskan Saham* pada tarikh perolehan;
- aset (atau pelupusan kumpulan) yang dikelaskan sebagai dipegang-untuk- jualan mengikut MFRS 5 *Aset Bukan Semasa Dipegang untuk Jualan dan Kendalian Dihentikan* diukur mengikut piawaian tersebut.

Muhibah adalah diukur sebagai lebihan jumlah pertimbangan yang dipindahkan, sebarang amaun kepentingan tiada kawalan yang diperoleh, dan nilai saksama kepentingan ekuiti pemeroleh yang sebelum ini yang diperoleh (jika ada) ke atas amaun bersih pada tarikh perolehan aset boleh kenal pasti diperoleh dan liabiliti yang diambil alih. Jika, selepas pentaksiran semula, amaun bersih pada tarikh perolehan aset boleh kenal pasti diperoleh dan liabiliti yang diambil alih melebihi jumlah pertimbangan yang dipindahkan, sebarang amaun kepentingan tiada kawalan yang diperoleh dan nilai saksama ekuiti pemeroleh yang sebelum ini mempunyai kepentingan dalam syarikat yang diperoleh (jika ada), lebihan tersebut diiktiraf serta- merta dalam untung atau rugi sebagai laba atas tawaran pembelian.

Kepentingan tiada kawalan adalah kepentingan pemilikan kini dan melayakkan pemegangnya untuk perkongsian berkadar aset bersih entiti sekiranya berlaku pembubaran yang mungkin pada awalnya diukur sama ada pada nilai saksama atau pada perkongsian berkadar kepentingan tiada kawalan daripada amaun diiktiraf daripada aset boleh kenal pasti bersih yang diperoleh. Asas pilihan pengukuran dibuat berdasarkan asas urus niaga-demi-urus niaga. Lain-lain jenis kepentingan tak mengawal diukur pada nilai saksama atau, apabila boleh digunakan, atas asas yang dinyatakan dalam MFRS lain.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)

3.3 Kombinasi perniagaan (Samb.)

Di mana pertimbangan yang dipindahkan oleh Kumpulan dalam kombinasi perniagaan termasuk aset atau liabiliti yang terhasil daripada pengaturan pertimbangan luar jangka, pertimbangan luar jangka tersebut diukur pada nilai saksama pada tarikh perolehan. Perubahan nilai saksama pertimbangan luar jangka yang layak sebagai pelarasan tempoh pengukuran diselaraskan secara retrospektif, dengan pelarasan yang sepadan terhadap muhibah. Pelarasan tempoh pengukuran adalah pelarasan yang timbul daripada maklumat tambahan yang diperolehi semasa “tempoh pengukuran” (yang tidak boleh melebihi satu tahun dari tarikh perolehan) mengenai fakta dan keadaan yang wujud pada tarikh perolehan.

Perakaunan yang berikutnya untuk perubahan dalam nilai saksama pertimbangan luar jangka yang tidak layak sebagai pelarasan tempoh pengukuran bergantung kepada bagaimana pertimbangan luar jangka dikelaskan. Pertimbangan luar jangka yang dikelaskan sebagai ekuiti tidak diukur semula pada tarikh pelaporan berikutnya dan penyelesaian berikutnya adalah diambil kira dalam ekuiti. Pertimbangan luar jangka yang dikelaskan sebagai aset atau liabiliti diukur semula pada tarikh pelaporan berikutnya berdasarkan MFRS 139 *Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran* atau MFRS 137 *Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka*, sebagaimana yang sesuai, dengan laba atau kerugian sepadan yang diiktiraf dalam untung atau rugi.

Di mana kombinasi perniagaan dicapai secara berperingkat, kepentingan ekuiti yang diperolehi yang sebelumnya dipegang oleh Kumpulan akan diukur semula pada nilai saksama pada tarikh perolehan tersebut (iaitu tarikh apabila Kumpulan mendapat kawalan) dan laba atau kerugian yang terhasil, jika ada, diiktiraf dalam untung atau rugi. Amaun yang timbul daripada kepentingan yang diperolehi sebelum tarikh perolehan dimana sebelum ini telah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dikelaskan kepada untung atau rugi, di mana pengolahan itu akan menjadi sesuai jika kepentingan itu telah dilupakan.

Jika perakaunan awal bagi kombinasi perniagaan adalah tidak lengkap menjelang akhir tempoh pelaporan di mana kombinasi itu berlaku, Kumpulan melaporkan amaun sementara bagi item yang perakaunan adalah tidak lengkap. Amaun sementara diselaraskan semasa tempoh pengukuran (seperti di atas), atau aset atau liabiliti tambahan diiktiraf, untuk mencerminkan maklumat baru yang diperolehi tentang fakta dan keadaan yang wujud pada tarikh perolehan itu bahawa, jika diketahui, akan mempengaruhi amaun yang diiktiraf pada tarikh tersebut.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)

3.4 Kepentingan tiada kawalan

Kumpulan mengambilkira urusan dengan kepentingan tiada kawalan yang tidak mengakibatkan kehilangan kawalan sebagai urusan dengan pemilik ekuiti Kumpulan. Perubahan pemilikan mengakibatkan pelarasan antara nilai bawaan kepentingan kawalan dan tiada kawalan bagi menggambarkan kepentingan relatif mereka dalam subsidiari. Sebarang perbezaan di antara jumlah pelarasan kepada kepentingan tiada kawalan dan sebarang pertimbangan yang dibayar atau diterima diiktiraf dalam rizab berasingan dilaraskan dalam ekuiti yang boleh diagihkan kepada pemilik Kumpulan.

3.5 Pengaturan bersama

Pengaturan bersama adalah aturan di mana wujud persetujuan kontrak perkongsian kawalan antara Kumpulan dan pihak-pihak ketiga, di mana keputusan berkenaan operasi perkongsian bersama tersebut memerlukan persetujuan bersama pihak-pihak yang mengawal bersama. Klasifikasi pengaturan bersama sebagai operasi bersama atau usahasama bergantung pada hak dan obligasi pihak terlibat. Usahasama adalah perkongsian di mana pihak terlibat berhak ke atas aset bersih perkongsian tersebut. Operasi bersama adalah perkongsian di mana pihak terlibat berhak ke atas aset dan obligasi operasi tersebut.

Usahasama

Kepentingan Kumpulan di dalam usahasama diambilkira di dalam penyata kewangan menggunakan perakaunan ekuiti dan diselaraskan dengan bahagian untung/rugi dan lain-lain pendapatan komprehensif milik Kumpulan ditambah ke nilai bawaan pelaburan. Bila bahagian rugi milik Kumpulan menyamai atau melebihi kepentingan di dalam usahasama (termasuk kepentingan jangka panjang yang merupakan sebahagian pelaburan bersih Kumpulan di dalam usahasama), Kumpulan tidak akan mengiktiraf kerugian seterusnya kecuali terdapat obligasi dan bayaran dibuat bagi pihak terlibat. Untung tidak direalisasi atas transaksi Kumpulan dan usahasama dihapuskan setakat kepentingan Kumpulan di dalam usahasama kerugian tidak direalisasi juga akan dihapuskan kecuali transaksi tersebut menunjukkan bukti rosot nilai aset tersebut.

Operasi Bersama

Berkenaan kepentingan Kumpulan di dalam Operasi Bersama, Kumpulan mengiktiraf aset-aset (termasuk bahagian aset bersama milik Kumpulan), perolehan dari jualan hasil operasi bersama (termasuk bahagian Kumpulan hasil dari jualan operasi bersama milik Kumpulan) dan perbelanjaan (termasuk bahagian perbelanjaan bersama).

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)

3.5 Pengaturan bersama (Samb.)

Operasi Bersama (samb.)

Di mana perlu, pemakaian perakaunan ekuiti akan memerlukan pelarasan dibuat di dalam penyata kewangan Pengaturan Bersama bagi menyeragamkan dasar perakaunan Kumpulan.

Di dalam penyata kewangan Kumpulan, kepentingan di dalam perkongsian bersama dinyatakan pada kos. Bila terdapat tanda-tanda penjejasan, nilai bawaan akan dinilai semula dan diturunkan ke nilai yang boleh diperoleh.

Pada penjualan pengaturan bersama, perbezaan antara terimaan bersih dan nilai bawaan akan ditolak/kredit ke untung atau rugi.

3.6 Aset bukan semasa (atau kumpulan aset) dipegang untuk dijual

Aset bukan semasa (atau kumpulan penjualan) dipegang untuk dijual dinyatakan pada nilai lebih rendah antara nilai bawaan dan nilai saksama tolak kos jualan. Aset bukan semasa (atau kumpulan penjualan) dikelaskan sebagai aset dipegang untuk dijual jika nilai bawaannya akan diperoleh semula terutamanya melalui urusniaga jualan dan bukan melalui penggunaan berterusan.

Aset yang diklasifikasikan sebagai dipegang untuk dijual dinyahiktiraf setelah pelupusan selesai, apabila kawalan serta risiko dan ganjaran berkaitan pemilikan telah dipindahkan kepada pembeli. Sebarang perbezaan antara hasil pelupusan bersih dengan amaun bawaan aset tersebut, atau kumpulan pelupusan, pada tarikh pelupusan diiktiraf dalam untung atau rugi di bawah pendapatan/perbelanjaan operasi lain atau keuntungan/(kerugian) daripada pelupusan.

Apabila sesuatu kumpulan pelupusan memenuhi kriteria sebagai operasi yang dihentikan, keputusan operasi yang dihentikan tersebut serta sebarang keuntungan atau kerugian daripada pelupusan dibentangkan secara berasingan dalam untung atau rugi selaras dengan MFRS 5.

3.7 Kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu

Syarikat bersekutu adalah merupakan perbadanan, perkongsian atau entiti lain dimana Kumpulan mempunyai pengaruh ketara tetapi tiada hak untuk mengawal, kebiasaannya berserta dengan pegangan saham di antara 20% dan 50% dari hak-hak mengundi. Pengaruh ketara adalah kuasa untuk membuat keputusan dalam dasar kewangan dan operasi syarikat bersekutu tetapi bukannya kuasa untuk mengawal polisi tersebut.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)

3.7 Kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu (Samb.)

Pelaburan dalam syarikat bersekutu dikira mengikut kaedah perakaunan ekuiti dalam penyata kewangan Kumpulan dan pada awalnya diiktiraf pada kos. Pelaburan Kumpulan dalam syarikat bersekutu mengandungi muhibbah dikenalpasti atas pengambilalihan, ditolak kerugian penurunan nilai terkumpul.

Perakaunan ekuiti akan diberhentikan bila Kumpulan tidak lagi mempunyai pengaruh ketara ke atas entiti atau apabila syarikat bersekutu diklasifikasi sebagai aset dipegang untuk dijual.

Bahagian Kumpulan dalam keuntungan atau kerugian selepas pengambilalihan syarikat bersekutu adalah diiktiraf dalam untung atau rugi dan bahagian pergerakan rizab selepas pengambilalihan dalam rizab.

Pergerakan terkumpul selepas pengambilalihan diselaraskan ke atas nilai bawaan pelaburan. Apabila bahagian kerugian Kumpulan dalam syarikat bersekutu adalah sama atau melebihi daripada kepentingan dalam syarikat bersekutu, termasuk sebarang amaun belum diterima yang tidak bercagar, Kumpulan tidak mengambilkira bahagian kerugian yang seterusnya, hanya apabila wujud obligasi atau bayaran telah dibuat bagi pihak syarikat bersekutunya.

Keuntungan belum direalisasi atas transaksi di antara Kumpulan dan syarikat bersekutunya dihapuskan sehingga tahap kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu. Kerugian belum direalisasi juga dihapuskan kecuali transaksi menunjukkan bukti penurunan nilai ke atas aset yang dipindahkan. Dimana perlu, dalam menggunakan kaedah ekuiti, pindaan dibuat ke atas penyata kewangan syarikat bersekutu bagi memastikan dasar perakaunan yang sama dengan Kumpulan.

Ketika pelupusan syarikat bersekutu, perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan nilai bawaan adalah dicaj/kredit ke untung atau rugi.

Sekiranya kepentingan di dalam syarikat bersekutu menurun tetapi pengaruh ketara masih kekal, hanya bahagian berkadar yang pernah diiktiraf di dalam lain-lain pendapatan komprehensif yang akan disebut semula ke untung atau rugi.

3.8 Hartanah, loji dan peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos sejarah iaitu harga kos tolak susutnilai terkumpul dan penjejasan nilai, sekiranya ada. Kos termasuk perbelanjaan yang terlibat secara langsung semasa pembelian hartanah, loji dan peralatan tersebut.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)

3.8 Hartanah, loji dan peralatan (Samb.)

Kos selepas pembelian adalah termasuk dalam nilai pembawa aset atau diiktirafkan sebagai aset yang berasingan mengikut kesesuaian, sekiranya aset tersebut mempunyai manfaat ekonomi masa akan datang kepada Kumpulan dan kos-kos tersebut dapat diukur secara pasti. Semua perbelanjaan baikpulih dan penyelenggaraan dicajkan ke penyata untung atau rugi dalam tahun kewangan dimana penyelenggaraan terlibat.

Tanah milik bebas yang mempunyai tempoh penggunaan tidak terhad adalah tidak disusutnilai. Kerja dalam pembinaan tidak disusutnilai memandangkan aset ini belum boleh digunakan. Kesemua hartanah, loji dan peralatan yang lain disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus untuk menghapuskan kos aset-aset tersebut sepanjang anggaran jangka hayat penggunaannya.

Anggaran jangka hayat aset-aset adalah seperti berikut:

<u>Item:</u>	<u>Anggaran jangka hayat (tahun):</u>
Tanah dan bangunan	5 hingga 99
Loji dan mesin	5 hingga 30
Stesen minyak	2 hingga 10
Kenderaan bermotor	2 hingga 25
Peralatan pejabat, perabot dan kelengkapan	2 hingga 10
Peralatan pejabat, perabot dan kelengkapan (bagi aktiviti perladangan)	10
Alatan komputer	3 hingga 5
Peralatan hotel	10
Ubahsuai	10
Jentera perladangan	14
Rumah pekerja ladang	15
Papan tanda	10
Pembinaan jalan dan jambatan	10

Nilai sisa dan jangka hayat aset dikaji, dan dinyatakan semula jika perlu, pada setiap tarikh akhir tempoh pelaporan.

Susutnilai untuk hartanah, loji dan peralatan terhenti pada awal pengiktirafan dan diklasifikasi sebagai aset-aset untuk dijual atau apabila aset telah dijual. Susutnilai bagi aset dalam pembinaan akan bermula apabila aset tersebut sedia untuk digunakan bagi tujuan asal pembinaan.

Item hartanah, loji dan peralatan tidak diiktiraf semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan dijangka timbul daripada penggunaan berterusan aset. Sebarang untung atau rugi yang timbul daripada pelupusan ditentukan sebagai perbezaan di antara hasil jualan dan amaun dibawa aset dan diiktiraf dalam untung atau rugi.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)

3.9 Bayaran pajakan tertanggung

Tanah pegangan pajak yang mempunyai jangka hayat ekonomi yang tidak terhad dan hak milik yang dijangka tidak akan dipindah milik kepada Kumpulan menjelang akhir tempoh pajakan dikelaskan sebagai pajakan operasi.

Pembayaran terdahulu bagi hak untuk menggunakan tanah pegangan pajak bagi tempoh yang telah ditentukan diambil kira sebagai bayaran pajakan terdahulu dan dinyatakan pada kos tolak amaun dilunaskan. Bayaran pajakan tertanggung dilunaskan mengikut asas garis lurus sepanjang baki tempoh pajakan diantara 15 hingga 88 tahun.

3.10 Tanah untuk pembangunan

Tanah dipegang untuk pembangunan hartanah terdiri daripada tanah di mana tiada kerja pembangunan penting telah dijalankan atau di mana aktiviti pembangunan tidak dijangka akan disiapkan dalam kitaran operasi biasa.

Kos yang berkaitan dengan pengambilalihan tanah termasuk harga belian tanah, yuran profesional, duti setem, komisen, yuran pertukaran dan levi lain yang berkaitan yang memenuhi definisi inventori akan diiktiraf sebagai aset, dan akan dinyatakan pada nilai lebih rendah antara kos dan nilai boleh direalisasi bersih. Nilai boleh direalisasi bersih adalah harga jualan anggaran dalam perjalanan biasa urusan, tolak kos penyempurnaan aset dan kos jualan yang berkaitan.

Tanah dipegang untuk pembangunan hartanah dipindahkan kepada kos pembangunan hartanah (di bawah aset semasa) apabila aktiviti pembangunan telah bermula dan di mana aktiviti pembangunan dijangka akan disiapkan dalam kitaran operasi biasa.

3.11 Aset tidak ketara

(a) Hak francais

Hak francais yang diperoleh akan dipermodalkan dan dilunaskan mengikut tempoh penggunaan yang dijangka iaitu antara 3 hingga 5 tahun. Nilai sisa aset dan tempoh hayat akan dikaji semula, dan pembetulan akan dibuat jika perlu, pada akhir tempoh pelaporan.

Hak francais diukur mulanya pada kos. Selepas pengiktirafan awal, aset tidak ketara hendaklah dibawa pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosotnilai terkumpul.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)

3.11 Aset tidak ketara (Samb.)

(b) Muhibah

Muhibah yang timbul daripada gabungan perniagaan pada awalnya diukur pada kos, iaitu lebih daripada agregat balasan yang dipindahkan dan amaun yang diiktiraf bagi kepentingan bukan kawalan, serta sebarang kepentingan terdahulu yang dipegang, berbanding aset bersih boleh dikenal pasti yang diperolehi dan liabiliti yang diambil alih. Selepas pengiktirafan awal, muhibah diukur pada kos ditolak kerugian rosot nilai terkumpul.

Berhubung dengan syarikat bersekutu dan usaha sama yang diakaunkan menggunakan kaedah ekuiti, muhibah dimasukkan dalam amaun bawaan pelaburan dan tidak diuji untuk rosot nilai secara berasingan. Sebaliknya, keseluruhan amaun bawaan pelaburan diuji untuk rosot nilai sebagai satu aset tunggal apabila terdapat bukti objektif berlakunya rosot nilai.

Aset tidak ketara akan diiktiraf jika, dan hanya jika:

- (a) ada kemungkinan bahawa jangkaan manfaat ekonomi masa hadapan yang berkaitan dengan aset tersebut akan mengalir kepada entiti; dan
- (b) kos aset itu boleh diukur dengan pasti.

Aset tidak ketara diukur mulanya pada kos. Selepas pengiktirafan awal, aset tidak ketara hendaklah dibawa pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang penjejasan nilai terkumpul.

3.12 Pelaburan hartanah

Pelaburan hartanah adalah dinyatakan pada kos termasuk kos transaksi pada awal pengiktirafan. Selepas pengiktirafan, pelaburan hartanah diukur pada nilai saksama yang melambangkan keadaan pasaran pada tempoh pelaporan. Nilai saksama diperolehi daripada keadaan pasaran untuk nilai saksama pelaburan hartanah yang ada di pasaran dan dilakukan oleh penilai hartanah yang didaftarkan yang mempunyai kelayakan dan pengalaman dalam aset yang dinilai. Untung atau rugi daripada pertukaran nilai saksama akan disertakan dalam rizab nilai saksama pada tahun pelaporan berdasarkan Garis Panduan 23 ("GP23") Pindaan 2020.

Pelaburan hartanah diklasifikasikan sebagai pajakan operasi yang digunakan untuk mendapat sewa atau peningkatan dalam nilai harga saksama atau kedua-duanya sekali. Aset tersebut akan diklasifikasikan sebagai pelaburan hartanah dan akan dinyatakan dalam nilai saksama.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)

3.12 Pelaburan hartanah (Samb.)

Pelaburan hartanah akan dinyahiktiraf apabila ianya dijual atau tidak digunakan lagi di mana tiada manfaat ekonomi di masa hadapan yang akan diperoleh. Untung atau rugi daripada penjualan pelaburan hartanah akan diiktiraf di penyata untung rugi pada tahun penjualan berlaku.

3.13 Pajakan

Pada permulaan kontrak, Kumpulan dan KPF menilai sama ada sesuatu adalah kontrak atau mengandungi pajakan. Kontrak adalah, atau mengandungi, pajakan jika kontrak menyampaikan hak untuk mengawal penggunaan aset yang dikenal pasti untuk suatu tempoh masa sebagai pertukaran untuk dipertimbangkan. Untuk menilai sama ada kontrak menyampaikan hak untuk mengawal penggunaan aset yang dikenal pasti, Kumpulan dan KPF menggunakan takrif pajakan dalam MFRS 16.

(a) Kumpulan sebagai pemberi pajak (pemajak)

Kumpulan dan KPF memasuki perjanjian pajakan sebagai pemberi pajak berkaitan dengan beberapa hartanah pelaburannya. Pajakan dimana Kumpulan dan KPF adalah pemberi pajak (pemajak) dikelaskan sebagai pajakan kewangan atau operasi. Apabila terma pajakan memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan kepada pemajak, kontrak diklasifikasikan sebagai pajakan kewangan. Semua pajakan lain dikelasifikasikan sebagai pajakan operasi.

Apabila Kumpulan dan KPF adalah seorang perantara pengantaraan, ia menyenaraikan pajakan utama dan menyewakan lagi sebagai dua kontrak berasingan. Penyerahan semula diklasifikasikan sebagai pajakan kewangan atau operasi dengan merujuk kepada aset hak penggunaan yang timbul daripada pajakan utama, bukan dengan merujuk kepada aset pendasar. Jika pajakan utama adalah pajakan jangka pendek yang mana Kumpulan dan KPF mengenakan pengecualian yang dinyatakan di atas, maka ia mengklasifikasikan sub-pajakan sebagai pajakan operasi.

Pendapatan sewa dari pajakan operasi diiktiraf atas dasar garis lurus sepanjang tempoh pajakan yang berkaitan dengan pendapatan operasi lain. Kos langsung awal yang ditanggung dalam perundingan dan aturan pajakan operasi ditambah kepada jumlah bawaan aset yang dipajak dan diiktiraf berdasarkan kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

Jumlah yang terhutang oleh pemajak di bawah pajakan kewangan diiktiraf sebagai penghutang pada jumlah pelaburan bersih Kumpulan dan KPF dalam pajakan. Pendapatan pajakan kewangan diperuntukkan kepada tempoh perakaunan untuk mencerminkan kadar pulangan berkala yang berterusan ke atas pelaburan bersih Kumpulan dan KPF yang belum dijelaskan berkenaan dengan pajakan.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)

3.13 Pajakan (Samb.)

(b) Kumpulan sebagai penerima pajak

Kumpulan dan KPF menggunakan pendekatan pengiktirafan dan pengukuran tunggal untuk semua pajakan, kecuali untuk pajakan jangka pendek dan pajakan aset bernilai rendah di bawah RM25,000. Kumpulan dan KPF mengiktiraf liabiliti pajakan untuk membuat pembayaran pajakan dan aset hak penggunaan yang mewakili hak untuk menggunakan aset sandaran.

(i) Hak penggunaan aset

Hak penggunaan aset adalah pengukuran awal liabiliti pajakan yang sepadan, bayaran sewa yang dibuat pada atau sebelum hari permulaan, menolak sebarang insentif sewa yang diterima dan sebarang kos langsung awal. Mereka kemudiannya diukur pada kos tolak susutnilai terkumpul dan kerugian kemerosotan dan diselaraskan untuk pengukuran semula liabiliti pajakan tertentu.

Apabila Kumpulan dan KPF menanggung obligasi bagi kos untuk merombak dan mengeluarkan aset yang dipajak, memulihkan tapak dimana ia terletak atau memulihkan aset sandaran kepada syarat yang diperlukan oleh terma dan syarat pajakan, peruntukan diiktiraf dan diukur di bawah MFRS 137, *Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka*. Setakat mana kos berkaitan dengan hak penggunaan aset, termasuk kos berkaitan hak penggunaan aset, kecuali kos tersebut ditanggung untuk menghasilkan inventori.

Hak penggunaan aset disusutnilai sepanjang jangka pendek tempoh pajakan dan hayat berguna aset sandaran. Sekiranya pajakan memindahkan pemilikan aset sandaran atau kos bagi hak penggunaan aset mencerminkan bahawa Kumpulan dan KPF menjangkakan untuk melaksanakan pilihan pembelian, hak penggunaan aset yang berkaitan disusutnilai sepanjang hayat berguna aset sandaran. Susutnilai bermula pada tarikh permulaan pajakan:

Item:	<u>Anggaran jangka hayat (tahun):</u>
Premis	1 - 10 tahun
Kenderaan bermotor	1 - 5 tahun

Hak penggunaan aset dibentangkan secara berasingan dalam kunci kira-kira.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)

3.13 Pajakan (Samb.)

(b) Kumpulan sebagai penerima pajak (Samb.)

(i) Hak penggunaan aset (samb.)

Jika pemilikan pemindahan aset yang dipajak kepada Kumpulan dan KPF pada akhir tempoh pajakan atau kos mencerminkan pelaksanaan pilihan pembelian, susut nilai dikira menggunakan anggaran hayat berguna aset tersebut.

Sebagai suai praktikal, MFRS 16 membenarkan pemajak untuk tidak memisahkan komponen bukan pajakan, dan sebaliknya mengakaunkan sebarang pajakan dan komponen bukan pajakan berkaitan sebagai satu pengaturan tunggal. Kumpulan dan KPF tidak menggunakan suai praktikal ini. Bagi kontrak yang mengandungi komponen pajakan dan satu atau lebih komponen bukan pajakan tambahan, Kumpulan dan KPF memperuntukkan pertimbangan dalam kontrak kepada setiap komponen pajakan atas dasar harga relatif komponen pajakan relatif dan harga agregat secara berasingan komponen bukan pajakan.

(ii) Liabiliti pajakan

Pada tarikh permulaan pajakan, Kumpulan dan KPF mengiktiraf liabiliti pajakan yang diukur pada nilai semasa pembayaran pajakan yang akan dibuat dalam tempoh pajakan. Bayaran pajakan termasuk pembayaran tetap (termasuk dalam pembayaran tetap) kurang sebarang insentif pajakan boleh diterima, bayaran pajakan berubah yang bergantung kepada indeks atau kadar, dan jumlah yang dijangka dibayar di bawah jaminan nilai sisa. Bayaran pajakan juga termasuk harga pelaksanaan opsyen pembelian yang munasabah dilaksanakan oleh Kumpulan dan KPF dan bayaran penalti untuk menamatkan pajakan, jika tempoh pajakan mencerminkan Kumpulan dan KPF yang melaksanakan pilihan untuk ditamatkan. Bayaran pajakan berubah-ubah yang tidak bergantung kepada indeks atau kadar diiktiraf sebagai perbelanjaan (kecuali jika ia ditanggung untuk menghasilkan inventori) dalam tempoh di mana peristiwa atau keadaan yang mencetuskan pembayaran berlaku dan dimasukkan ke dalam 'Perbelanjaan operasi' dalam untung atau rugi.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)

3.13 Pajak (Samb.)

(b) Kumpulan sebagai penerima pajak (Samb.)

(ii) Liabiliti pajak (samb.)

Dalam mengira nilai sekarang pembayaran pajak, Kumpulan dan KPF menggunakan kadar kewangan tersirat dalam pajak. Sekiranya kadar ini tidak dapat ditentukan dengan mudah, penerima pajak menggunakan kadar pinjaman tambahannya. Selepas tarikh permulaan, jumlah liabiliti pajak dinaikkan untuk mencerminkan pertambahan kos kewangan dan dikurangkan untuk pembayaran pajak yang dibuat. Di samping itu, amaun dibawa liabiliti pajak adalah diurus semula (dan membuat penyesuaian yang bersesuaian dengan aset hak penggunaan yang berkaitan atau direkodkan dalam keuntungan atau kerugian jika nilai dibawa aset hak penggunaan telah dikurangkan kepada sifar) jika terdapat pengubahsuaian, perubahan dalam tempoh pajak, perubahan dalam pembayaran pajak (contohnya, perubahan pada pembayaran masa depan yang disebabkan oleh perubahan indeks atau kadar yang digunakan untuk menentukan pembayaran pajak tersebut) atau perubahan dalam penilaian pilihan untuk membeli aset sandaran.

3.14 Tumbuhan penghasil

Tumbuhan penghasil merupakan pokok kelapa sawit yang digunakan dalam menghasilkan hasil pertanian, dan dijangkakan untuk menghasilkan buah tandan segar lebih daripada satu tempoh. Tumbuhan penghasil terdiri daripada pokok kelapa sawit matang dan pokok kelapa sawit tidak matang.

Pokok kelapa sawit tidak matang dinyatakan pada kos yang merangkumi kos penyediaan, kos menanam, kos membaja dan kos penyelenggaraan. Pokok kelapa sawit matang dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan penjejasan nilai.

Pokok sawit matang disusut nilaikan pada kadar garis lurus berdasarkan jangka hayat pokok selama 25 tahun sejak dari pokok mula berbuah.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)

3.14 Tumbuhan penghasil

Pokok kelapa sawit mempunyai jangka hayat lebih kurang 25 tahun. Secara amnya, pokok kelapa sawit memerlukan tempoh 4 tahun selepas ditanam untuk menjadi matang.

Nilai pokok kelapa sawit akan dikaji jika terdapat bukti penjejasan nilai dari tahun ke tahun. Nilai baki, jangka hayat dan susut nilai akan dikaji pada setiap tahun akhir kewangan untuk menentukan tempoh susut nilai, jangka hayat adalah konsisten dengan jangkaan lepas dan memenuhi manfaat ekonomi di masa hadapan.

Tumbuhan penghasil akan dinyahiktiraf apabila dijual atau tiada lagi manfaat ekonomi yang boleh diperoleh daripada penggunaannya. Untung atau rugi daripada penyahiktirafan tumbuhan penghasil akan disertakan di dalam penyata untung atau rugi pada tahun tumbuhan penghasil dinyahiktiraf.

Susutnilai untuk tumbuhan penghasil terhenti pada awal pengiktirafan dan diklasifikasi sebagai aset-aset untuk dijual atau apabila aset telah dijual.

3.15 Inventori

Inventori dinyatakan pada nilai lebih rendah antara kos dan nilai boleh direalisasi bersih. Kos ditentukan berdasarkan kaedah purata dan masuk dahulu keluar dahulu.

Kos barangan siap dan kerja dalam pelaksanaan meliputi kos bahan mentah, tenaga buruh langsung, kos langsung lain dan overhead pengeluaran yang berkaitan (berdasarkan kapasiti operasi lazim). Kos bahan mentah, bahan kimia, stor dan alat-alat ganti produk termasuk kos belian dan kos bawa inventori ke dalam lokasi semasa dan keadaan.

Nilai pasaran bersih terdiri daripada anggaran harga jualan dalam urusan perniagaan biasa selepas ditolak kos jualan dan pengedaran.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)

3.16 Aset biologi

Aset biologi berkaitan dengan hasil pertanian berkembang pada tumbuhan penghasil yang disebut sebagai buah tandan segar ("BTS") dan dinyatakan pada nilai saksama ditolak kos untuk dijual. Keuntungan atau kerugian yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama ditolak kos anggaran untuk menjual BTS pada setiap tarikh kewangan adalah termasuk dalam rizab nilai saksama bagi tempoh di mana ia timbul selaras dengan GP23 Pindaan 2020.

Hasil dari Kumpulan dan KPF mempunyai nilai saksama untuk BTS pada setiap penyata tarikh kedudukan kewangan seperti garis panduan MFRS 141 *Pertanian*. BTS adalah hasil daripada pokok kelapa sawit yang dituai terus menerus sepanjang tahun kewangan yang akan digunakan dalam pengeluaran minyak sawit mentah ("CPO"). Setiap BTS mengambil masa kira-kira 22 minggu dari pendebungaan untuk mencapai kandungan minyak maksimum yang sedia untuk dituai. Nilai setiap BTS di setiap kitaran pengeluaran BTS akan berbeza berdasarkan kandungan minyak kumulatif dalam setiap buah.

Dalam menentukan nilai saksama BTS, pihak pengurusan telah menganggap kandungan minyak semua BTS yang belum matang dari minggu selepas pendebungaan hingga minggu sebelum penuaian. Oleh kerana kandungan minyak bertambah secara eksponen dalam tempoh 15 hari sebelum penuaian, maka BTS sebelum 15 hari sebelum penuaian dikecualikan dalam penilaian kerana nilai saksama dianggap tidak dapat diabaikan.

Nilai saksama aset biologi dianggarkan dengan merujuk kepada kuantiti tuaian yang diunjurkan dan harga pasaran BTS pada akhir tempoh pelaporan, bersih daripada kos penyelenggaraan dan penuaian dan anggaran kos untuk menjual.

3.17 Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila:

- Kumpulan mempunyai obligasi perundangan atau konstruktif hasil daripada peristiwa yang lepas;
- terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut; dan
- jumlah anggaran yang munasabah boleh dibuat.

Jika Kumpulan dan KPF menjangkakan peruntukan boleh dibayar semula, pembayaran semula diiktiraf sebagai aset berasingan tetapi hanya apabila pembayaran semula dapat dipastikan secara nyata. Peruntukan tidak diiktiraf bagi kerugian operasi masa hadapan.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)

3.17 Peruntukan (Samb.)

Jika terdapat beberapa tanggungjawab yang serupa, kemungkinan bahawa aliran keluar tunai akan diperlukan dalam penyelesaian ditentukan dengan mempertimbangkan jenis tanggungjawab itu secara keseluruhannya. Peruntukan diiktiraf walaupun kemungkinan aliran keluar mana-mana perkara yang termasuk dalam kelas kewajipan yang sama mungkin kecil.

Peruntukan diukur pada nilai semasa perbelanjaan yang dijangka diperlukan untuk menyelesaikan tanggungjawab menggunakan kadar sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko khusus kepada tanggungjawab itu. Peningkatan dalam peruntukan disebabkan oleh peredaran masa diiktiraf sebagai perbelanjaan kos kewangan.

3.18 Perolehan

Kontrak dengan pelanggan wujud apabila kontrak itu mempunyai bahan komersil, Kumpulan, KPF dan pelanggan mereka telah meluluskan kontrak dan berhasrat untuk melaksanakan tanggungjawab masing-masing, Kumpulan, KPF dan hak pelanggan berkenaan barang atau perkhidmatan yang akan dipindahkan dan terma pembayaran boleh dikenal pasti, dan kemungkinan Kumpulan dan KPF akan melakukan pertimbangan yang berhak untuk menukar barang atau perkhidmatan tersebut.

Perolehan daripada kontrak dengan pelanggan diukur pada harga urus niaganya, iaitu jumlah pertimbangan yang mana Kumpulan dan KPF menjangkakan berhak sebagai pertukaran untuk memindahkan barang atau perkhidmatan yang dijanjikan kepada pelanggan, tidak termasuk jumlah yang dikutip bagi pihak pihak ketiga seperti jualan dan cukai perkhidmatan atau barang dan cukai perkhidmatan. Sekiranya amaun pertimbangan bervariasi disebabkan oleh diskaun, rebat, penalti atau lain-lain perkara yang serupa, Kumpulan dan KPF menganggarkan jumlah pertimbangan yang dijangkakan berhak mengikut kaedah nilai yang dijangkakan atau hasil yang paling mungkin tetapi anggaran dikekang sehingga jumlah yang kemungkinan besar tidak ada pembalikan signifikan pada masa hadapan.

Harga urus niaga diperuntukkan kepada setiap obligasi prestasi atas dasar harga jualan mandiri relatif setiap kebaikan atau perkhidmatan yang dijanjikan dalam kontrak. Bergantung kepada substansi kontrak, pendapatan diiktiraf apabila kewajipan prestasi dipenuhi, yang mungkin pada suatu masa atau dari masa ke masa.

Perolehan KPF terdiri daripada dividen dari pelaburan, pulangan dari simpanan dan keuntungan dari aktiviti pembiayaan, pendapatan dari penjualan sekuriti-sekuriti, pendapatan dari aktiviti perladangan kelapa sawit, pendapatan dari sewa hartanah dan lain-lain perolehan.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)

3.18 Perolehan (Samb.)

Perolehan syarikat-syarikat subsidiari terdiri daripada hasil bersih jualan barangan dan perkhidmatan selepas ditolak pulangan, pelaburan, sewa dan lain-lain perolehan.

Pengiktirafan perolehan

Perolehan dividen dari syarikat-syarikat subsidiari diiktiraf apabila ianya dicadangkan dan dipersetujui oleh pemegang syer majoriti. Perolehan dividen lain diiktiraf apabila hak menerima dividen telah disahkan.

Keuntungan dari aktiviti pembiayaan, pulangan atas simpanan dan pulangan atas pelaburan bon diiktiraf sebagai pendapatan faedah di dalam untung atau rugi mengikut kaedah kadar faedah efektif.

Perolehan daripada hartanah pelaburan adalah berdasarkan kepada kontrak antara KPF dan anak syarikat dan juga pihak ketiga. Pendapatan daripada aktiviti hartanah adalah berdasarkan asas pengakruan.

Perolehan daripada penjualan sekuriti adalah diiktiraf apabila transaksi telah diselesaikan dengan pihak ketiga dan diiktiraf pada harga saksama yang akan diterima atau akan diterima.

Perolehan yuran bagi anggota baru akan diakrukan apabila anggota baru menjadi anggota. Perolehan ini diiktiraf apabila individu mendaftar untuk menjadi anggota KPF.

Perolehan hasil jualan barangan dan perkhidmatan diiktiraf setelah barangan diterima oleh pelanggan, apabila risiko dan ganjaran kepada pemilikan barangan tersebut dipindahkan kepada pembeli. Perolehan daripada penjualan minyak sawit mentah diiktiraf pada harga saksama yang diterima atau akan diterima apabila penghantaran dilakukan.

Perolehan perkhidmatan diiktiraf setelah perkhidmatan dilakukan mengikut peratus kerja yang telah disiapkan, dikaji berdasarkan perkhidmatan yang telah dilakukan daripada jumlah perkhidmatan yang akan dilakukan.

Perolehan daripada operasi Ar-Rahnu adalah berdasarkan kepada upah simpan yang dikenakan ke atas pelanggan. Perolehan akan diakru berdasarkan tempoh KPF menyimpan marhun untuk pelanggan dan nilai marhun yang diberikan oleh pelanggan kepada KPF bagi tujuan pembiayaan Ar-Rahnu.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)

3.19 Pertukaran matawang asing

Matawang fungsian dan pembentangan

Perkara yang dimasukkan di dalam penyata kewangan setiap entiti dalam Kumpulan ditentukan dengan menggunakan matawang persekitaran ekonomi utama di mana entiti tersebut beroperasi ("matawang fungsian"). Penyata kewangan yang disatukan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia, yang merupakan matawang fungsian dan pembentangan KPF.

Urusniaga dan baki terkumpul

Urusniaga dalam matawang asing ditukar kepada matawang fungsian dengan menggunakan kadar pertukaran pada tarikh urusniaga. Keuntungan dan kerugian pertukaran asing yang terhasil daripada penyelesaian urusniaga berkenaan dan daripada pertukaran aset dan tanggungan kewangan yang nilainya dalam matawang asing pada kadar pertukaran akhir tahun diiktiraf dalam penyata untung atau rugi, kecuali apabila wujud penangguhan dalam ekuiti sebagai pelindung nilai aliran tunai dan pelaburan bersih yang layak dilindung nilai.

Untung atau rugi ke atas pertukaran matawang asing yang berkaitan dengan pinjaman serta tunai dan persamaan tunai dinyatakan dalam penyata pendapatan sebagai 'lain-lain belanja operasi'. Manakala lain-lain untung atau rugi ke atas pertukaran matawang asing dinyatakan dalam penyata untung atau rugi sebagai 'lain-lain untung/(rugi) bersih'.

Perubahan dalam nilai saksama sekuriti-sekuriti kewangan disebut dalam matawang asing diklasifikasikan sebagai sedia dijual adalah dianalisis antara pertukaran perbezaan hasil daripada perubahan dalam pelunasan kos sekuriti dan lain-lain perubahan pada nilai bawaan sekuriti. Perbezaan pertukaran berkaitan dengan perubahan di dalam pelunasan kos diiktiraf dalam untung atau rugi dan lain-lain perubahan dalam nilai bawaan diiktiraf di dalam ekuiti.

Perbezaan pertukaran pada aset dan liabiliti bukan kewangan seperti ekuiti dipegang pada nilai saksama melalui untung atau rugi diiktiraf untung atau rugi sebagai sebahagian daripada untung rugi nilai saksama. Perbezaan pertukaran pada aset bukan kewangan seperti ekuiti yang diklasifikasi sebagai sedia dijual termasuk rizab sedia dijual dan ekuiti.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)

3.20 Manfaat pekerja

- (i) Manfaat pekerja berjangka pendek

Gaji, cuti tahunan, cuti sakit, bonus dan faedah-faedah bukan wang diakru pada tahun kewangan di mana perkhidmatan itu diberikan oleh pekerja.

- (ii) Pelan caruman wajib

Kumpulan membuat caruman ke pelan caruman yang ditetapkan di caj pada penyata untung atau rugi pada tempoh yang berkaitan. Kumpulan dan KPF tidak mempunyai kewajipan pembayaran lebih lanjut apabila caruman telah dibayar.

3.21 Zakat

Kumpulan dan KPF mengiktiraf tanggungannya terhadap pembayaran zakat perniagaan. Zakat untuk tempoh semasa diiktiraf apabila Kumpulan dan KPF mempunyai tanggungan zakat semasa melalui penilaian zakat. Jumlah pembayaran zakat ditentukan apabila sesuatu entiti telah beroperasi sekurang-kurangnya 12 bulan, tempoh yang dipanggil "haul".

Kadar zakat yang telah digubal atau digubal hampir sepenuhnya pada tarikh akhir tempoh pelaporan adalah digunakan dalam menentukan perbelanjaan zakat. Kadar zakat perniagaan ialah 2.5% daripada asas zakat. Asas zakat untuk Kumpulan selain KPF ditentukan berdasarkan kepada keuntungan selepas cukai bagi setiap syarikat di dalam Kumpulan selepas ditolak pendapatan dividen, dan pendapatan dan perbelanjaan bukan operasi tertentu. Zakat untuk perniagaan dikira dengan mendarabkan kadar zakat dengan asas zakat. Jumlah zakat yang dikira akan diiktiraf sebagai perbelanjaan bagi tahun tersebut.

Asas pengiraan zakat untuk KPF adalah berdasarkan kiraan yang digunapakai oleh Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan iaitu kaedah modal kerja. Kaedah ini menggunakan kadar ke atas ekuiti pemilik, liabiliti jangka panjang, aset tetap bersih dan aset bukan semasa, dan tertakluk kepada pelarasan yang dibenarkan.

Zakat untuk perniagaan dikira dengan mendarabkan kadar zakat dengan asas zakat setelah mengambilkira peratusan pemilikan modal syer oleh anggota muslim. Jumlah zakat dikira akan diiktiraf sebagai perbelanjaan bagi tahun tersebut.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)

3.22 Cukai

Perbelanjaan cukai keatas keuntungan atau kerugian tahun semasa mengandungi cukai semasa dan juga cukai tertunda. Cukai semasa ialah jumlah jangkaan perbelanjaan cukai yang berkaitan dengan keuntungan yang boleh dikenakan cukai dan dikira mengikut kadar cukai yang telah digubalkan pada tarikh akhir tempoh pelaporan.

Cukai tertunda diiktiraf secara penuh, berdasarkan kaedah liabiliti, ke atas perbezaan sementara di antara asas cukai aset-aset dan liabiliti-liabiliti dan nilai pembawa mereka di dalam penyata kewangan.

Aset cukai tertunda diiktiraf sehingga tahap di mana sekiranya berkemungkinan keuntungan dicukai akan tersedia ada di mana perbezaan sementara boleh ditolak atau kerugian cukai belum diguna dapat digunakan.

Cukai tertunda dikira mengikut kadar cukai yang dijangka akan digunakan apabila aset diiktiraf atau apabila liabiliti diselesaikan, berdasarkan kepada kadar cukai yang telah digubal atau hampir sepenuhnya digubal pada tarikh akhir tempoh pelaporan. Cukai tertunda diiktiraf didalam penyata pendapatan, kecuali apabila timbul transaksi yang diiktiraf secara langsung daripada rizab, yang mana dalam keadaan ini, cukai tertunda akan diiktiraf secara terus daripada rizab.

Nilai pembawa aset cukai tertunda adalah disemak pada akhir tempoh pelaporan dan dikurangkan sehingga tiada kemungkinan pendapatan bercukai yang cukup akan wujud untuk membolehkan keseluruhan atau sebahagian aset tersebut direalisasi.

Aset cukai tertunda dan liabiliti cukai tertunda diimbangkan apabila mempunyai hak yang dibenarkan untuk mengimbangkan aset cukai semasa dengan liabiliti cukai semasa dan jika ianya berkait dengan cukai pendapatan yang dikenakan oleh penguasa cukai yang sama dan Kumpulan dan KPF berhasrat untuk menyelesaikan aset cukai semasa dan liabiliti cukai semasa pada asas bersih.

3.23 Penjejasan nilai untuk aset bukan kewangan

Aset yang mempunyai jangka hayat tidak terhad tidak tertakluk kepada pelunasan dan diuji bagi menentukan penjejasan nilai setiap tahun, atau apabila berlaku peristiwa atau keadaan yang menunjukkan bahawa penjejasan nilai mungkin wujud. Harta, loji dan peralatan dan aset bukan semasa lain, termasuk aset tidak ketara dengan jangka hayat terhad, disemak semula bagi menentukan kerugian penjejasan nilai apabila peristiwa atau perubahan keadaan menunjukkan bahawa amaun dibawa mungkin tidak dapat dipulihkan.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)

3.23 Penjejasan nilai untuk aset bukan kewangan (Samb.)

Kerugian penjejasan nilai yang diiktiraf merupakan lebihan nilai bawaan aset tersebut berbanding dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai yang lebih tinggi antara nilai saksama tolak kos penjualan dan nilai guna sesebuah aset.

Bagi tujuan penaksiran penjejasan nilai, aset dikumpulkan pada tahap terendah di mana terdapat aliran tunai yang boleh dikenalpasti secara berasingan (unit penjana tunai). Aset selain daripada muhibbah yang mengalami penjejasan nilai disemak semula bagi kemungkinan pembalikan pada akhir tempoh pelaporan.

3.24 Penjejasan nilai untuk aset tidak ketara

Satu unit penghasilan tunai akan diperuntukkan untuk menguji penjejasan nilai tahunan, atau lebih kerap apabila terdapat tanda yang unit tersebut mungkin terjejas. Kumpulan dan KPF menilai sama ada terdapat sebarang petunjuk penjejasan nilai. Jika petunjuk sedemikian wujud, nilai bawaan aset diturunkan dengan serta-merta kepada amaun boleh pulih jika nilai bawaan aset adalah lebih besar daripada jumlah anggaran yang boleh diperoleh semula.

3.25 Instrumen kewangan

Aset kewangan

(i) Klasifikasi

Kumpulan dan KPF mengklasifikasikan aset kewangan mereka dalam kategori pengukuran berikut:

- yang akan diukur kemudiannya pada nilai saksama (sama ada melalui pendapatan komprehensif lain atau melalui keuntungan atau kerugian); dan
- yang akan diukur pada kos yang dilunaskan.

Klasifikasi bergantung pada model perniagaan entiti untuk menguruskan aset kewangan dan syarat kontrak aliran tunai.

Bagi aset yang diukur pada nilai saksama, keuntungan dan kerugian sama ada akan direkod dalam keuntungan atau kerugian atau pendapatan komprehensif lain. Bagi pelaburan dalam instrumen ekuiti yang tidak dipegang untuk dagangan, Kumpulan dan KPF telah membuat pilihan tidak boleh dibatalkan pada masa pengiktirafan awal untuk mengakaunkan pelaburan ekuiti pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)

3.25 Instrumen kewangan (Samb.)

Aset kewangan (Samb.)

(i) Klasifikasi (Samb.)

Kumpulan dan KPF mengklasifikasikan semula pelaburan hutang apabila dan hanya apabila model perniagaan untuk mengurus aset tersebut berubah.

(ii) Pengiktirafan dan penyahiktirafan.

Cara pembelian dan jualan aset secara tetap diiktiraf pada tarikh dagangan, tarikh Kumpulan dan KPF komited untuk membeli atau menjual aset tersebut. Aset kewangan tidak diiktiraf apabila hak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan telah tamat tempoh atau telah dipindahkan dan Kumpulan dan KPF telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan.

(iii) Pengukuran

Pada pengiktirafan awal, Kumpulan dan KPF mengukur aset kewangan pada nilai saksama ditambah, dalam hal aset kewangan, tidak pada nilai saksama melalui untung atau rugi, kos transaksi yang secara langsung dikaitkan dengan pengambilalihan aset kewangan. Kos transaksi aset kewangan yang berkaitan secara langsung dengan aset kewangan melalui untung rugi diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

3.26 Liabiliti kewangan

Kumpulan dan KPF tiada sebarang liabiliti kewangan bukan derivatif yang ditetapkan pada nilai saksama melalui untung atau rugi. Liabiliti kewangan pada kos terlunas termasuk pinjaman, pemiutang perdagangan dan lain-lain pemiutang.

Penyahiktirafan liabiliti kewangan

Kumpulan dan KPF menyahiktiraf liabiliti kewangan apabila, dan hanya apabila, obligasi Kumpulan dan KPF telah dilepaskan, dibatalkan, atau telah tamat. Perbezaan antara amaun dibawa bagi liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan yang dibayar atau belum bayar adalah diiktiraf di dalam untung atau rugi.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)

3.27 Instrumen hutang

Pengukuran instrumen hutang berikutnya bergantung kepada model perniagaan Kumpulan dan KPF untuk mengurus aset dan ciri-ciri aliran tunai aset tersebut. Terdapat tiga kategori ukuran di mana Kumpulan dan KPF mengklasifikasikan instrumen hutang mereka:

(a) Kos terlunas

Aset yang dipegang untuk pengumpulan aliran tunai kontraktual di mana aliran tunai tersebut mewakili pembayaran prinsipal dan faedah diukur pada kos yang dilunaskan. Pendapatan keuntungan daripada aset kewangan ini termasuk dalam pendapatan pelaburan menggunakan kaedah kadar keuntungan berkesan. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penyahiktirafan diiktiraf secara langsung dalam keuntungan atau kerugian dan dinyatakan dalam pendapatan/(kerugian) lain bersama dengan keuntungan dan kerugian pertukaran asing. Kerugian penjejasan nilai dibentangkan sebagai item baris berasingan dalam untung atau rugi.

(b) Nilai saksama melalui pendapatan komprehensif

Aset yang dipegang untuk pengumpulan aliran tunai kontraktual dan untuk menjual aset kewangan, di mana aliran tunai aset mewakili semata mata pembayaran prinsipal dan faedah, diukur melalui nilai saksama melalui pendapatan komprehensif. Pergerakan dalam kos yang dibawa diambil melalui pendapatan komprehensif, kecuali pengiktirafan keuntungan atau kerugian penjejasan nilai, pendapatan keuntungan dan keuntungan dan kerugian pertukaran asing yang diiktiraf dalam untung atau rugi.

Apabila aset kewangan tidak diiktiraf, keuntungan atau kerugian kumulatif sebelum ini diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain diklasifikasikan semula daripada ekuiti kepada untung atau rugi dan diiktiraf dalam lain-lain pendapatan/(kerugian). Pendapatan keuntungan daripada aset kewangan ini termasuk dalam pendapatan pelaburan menggunakan kaedah kadar keuntungan berkesan. Keuntungan dan kerugian pertukaran asing dinyatakan dalam pendapatan/(kerugian) lain dan perbelanjaan kerosakan dibentangkan sebagai item baris berasingan dalam untung atau rugi.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)

3.27 Instrumen hutang (Samb.)

- (c) Nilai saksama melalui keuntungan dan kerugian

Aset yang tidak memenuhi kriteria untuk kos yang dilunaskan atau diukur pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif. Kumpulan dan KPF juga boleh menetapkan aset kewangan nilai saksama melalui keuntungan dan kerugian secara tidak boleh ditarik balik jika melakukan dengan ketara mengurangkan atau menghapuskan ketidaksesuaian yang dicipta oleh aset dan liabiliti yang diukur pada asas yang berlainan. Perubahan dalam nilai saksama aset kewangan melalui nilai saksama melalui untung atau rugi diiktiraf dalam pendapatan/(kerugian) lain dalam untung atau rugi yang berkenaan.

3.28 Instrumen ekuiti

Kumpulan dan KPF seterusnya mengukur semua pelaburan ekuiti pada nilai saksama. Di mana pengurusan Kumpulan dan KPF memilih untuk membentangkan keuntungan dan kerugian nilai saksama atas pelaburan ekuiti dalam pendapatan komprehensif lain, tiada pengelasan semula keuntungan dan kerugian nilai saksama kepada untung atau rugi berikutan penyahiktirafan pelaburan. Dividen daripada pelaburan sedemikian terus diiktiraf dalam untung atau rugi sebagai pendapatan lain apabila hak Kumpulan dan KPF untuk menerima pembayaran ditubuhkan.

Perubahan dalam nilai saksama aset kewangan melalui nilai saksama melalui keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam pendapatan/(kerugian) lain dalam untung atau rugi yang berkenaan. Kerugian penjejasan nilai (dan pembalikan kerugian rosotnilai) ke atas pelaburan ekuiti diukur pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif yang tidak dilaporkan secara berasingan daripada perubahan lain dalam nilai saksama.

3.29 Penjejasan nilai instrumen kewangan

Penjejasan nilai instrumen hutang

Kumpulan dan KPF menilai pada akhir setiap tempoh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas.

- (i) Penjejasan nilai instrumen hutang

Kumpulan dan KPF menilai berdasarkan masa hadapan jangkaan kerugian kredit yang berkaitan dengan instrumen hutangnya yang dibawa pada kos pelunasan dan kontrak melalui nilai saksama melalui pendapatan komprehensif dan jaminan kewangan yang dikeluarkan. Metodologi penurunan harga yang digunakan bergantung kepada sama ada terdapat peningkatan risiko kredit yang ketara.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)

3.29 Penjejasan nilai instrumen kewangan (Samb.)

Penjejasan nilai instrumen hutang (Samb.)

(i) Penjejasan nilai instrumen hutang (Samb.)

Kumpulan dan KPF mempunyai tiga jenis instrumen kewangan yang tertakluk kepada model jangkaan kerugian kredit:

- Pembiayaan
- Penghutang perdagangan
- Lain-lain penghutang dan deposit
- Hutang daripada syarikat-syarikat subsidiari
- Hutang daripada pihak berkaitan
- Hutang daripada FELDA, syarikat-syarikat bersekutu dan entiti usahasama

Walaupun deposit/simpanan, baki bank dan wang tunai juga tertakluk kepada keperluan penjejasan nilai MFRS 9, kerugian kemerosotan nilai yang dikenalpasti tidak mempunyai kesan ketara.

Jangkaan kerugian kredit mewakili anggaran kebarangkalian perbezaan antara nilai semasa aliran tunai kontraktual dan nilai kini aliran tunai Kumpulan dan KPF menjangkakan untuk menerima, sepenuh baki hayat instrumen kewangan.

Pengukuran jangkaan kerugian kredit mencerminkan:

- jumlah yang tidak berat sebelah dan kebarangkalian yang ditentukan dengan menilai pelbagai kemungkinan hasil;
- nilai masa wang; dan
- maklumat yang berpatutan dan boleh dipercayai yang tersedia tanpa kos atau usaha yang tidak wajar pada tarikh pelaporan tentang peristiwa masa lalu, keadaan semasa dan ramalan keadaan ekonomi masa hadapan.

(a) Pendekatan umum 3 peringkat untuk pembiayaan dan hutang daripada syarikat-syarikat subsidiari, FELDA, syarikat-syarikat bersekutu dan entiti usahasama.

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Kumpulan dan KPF mengukur jangkaan kerugian kredit melalui elaun kerugian pada jumlah yang sama dengan jangkaan kerugian kredit 12 bulan jika risiko kredit ke atas instrumen kewangan atau kumpulan instrumen kewangan tidak meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal. Bagi semua instrumen kewangan lain, elaun kerugian pada jumlah yang sama dengan jangkaan kerugian kredit sepanjang hayat yang diperlukan.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)

3.29 Penjejasan nilai instrumen kewangan (Samb.)

Penjejasan nilai instrumen hutang (Samb.)

- (b) Pendekatan mudah untuk penghutang perdagangan lain-lain penghutang dan deposit.

Kumpulan dan KPF menerapkan pendekatan MFRS 9 yang mudah untuk mengukur jangkaan kerugian kredit yang menggunakan jangkaan kerugian kredit seumur hidup untuk semua penghutang perdagangan.

3.30 Rizab pelaburan

Rizab nilai saksama merangkumi perubahan bersih dalam nilai saksama aset melalui keuntungan/kerugian komprehensif sehingga pelaburan tidak diiktiraf atau terjejas.

3.31 Penyata aliran tunai

Kumpulan dan KPF mengamalkan kaedah tidak langsung dalam penyediaan penyata aliran tunai.

Tunai merangkumi baki bank dan wang tunai. Persamaan tunai setara termasuk pelaburan jangka pendek dan mempunyai kecairan yang tinggi, serta sedia ditukarkan kepada tunai dengan tiada perubahan nilai yang ketara ditolak dengan overdraf bank.

4. PENILAIAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN KRITIKAL

Penilaian dan anggaran dibuat oleh Lembaga dan Pengurusan berdasarkan pengalaman dan faktor-faktor lain, termasuk jangkaan peristiwa masa depan yang dipercayai sebagai munasabah di bawah keadaan tertentu. Anggaran dan andaian yang membawa risiko ketara dalam mengakibatkan pelarasan ketara ke atas nilai bawaan aset-aset dan liabiliti-liabiliti dalam tempoh kewangan tahun yang berikutnya adalah dibincang seperti berikut:

(a) Rosotnilai hartanah, loji dan peralatan

Kumpulan dan KPF sentiasa mengkaji sama ada terdapat sebarang petunjuk rosotnilai dan akan mengiktiraf kerugian rosotnilai jika amaun dibawa oleh sesuatu aset itu lebih tinggi daripada amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai yang mana lebih tinggi di antara harga jualan bersih dan nilai boleh guna (*value-in-use*). Dalam menentukan nilai boleh guna ini, Kumpulan dan KPF menilai nilai kini anggaran aliran tunai masa depan yang dijangka akan diperolehi dengan menggunakan aset tersebut secara berterusan dan daripada pelupusannya pada akhir hayat. Anggaran dan pertimbangan utama yang digunakan dalam pengiraan nilai boleh guna ini adalah anggaran aliran tunai dan kadar diskaun.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

4. PENILAIAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN KRITIKAL (SAMB.)

(a) Rosotnilai hartanah, loji dan peralatan (Samb.)

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025, Kumpulan dan KPF telah mengenalpasti tiada petunjuk penambahan atau penarikbalikan rosotnilai ke atas hartanah, loji dan peralatan. Nilai buku bersih hartanah, loji dan peralatan Kumpulan dan KPF adalah seperti yang didedahkan dalam Nota 5.

(b) Pelaburan hartanah

Nilai saksama pelaburan hartanah telah ditentukan berdasarkan permodalan pendapatan bersih daripada pelaburan hartanah yang menjana pendapatan. Nilai yang dianggarkan adalah berdasarkan sewa sebenar ditolak anggaran perbelanjaan tahunan dan dimodalkan pada tahun semasa dengan menggunakan kadar diskaun yang berpatutan. Dalam membuat anggaran nilai saksama pelaburan hartanah, nilai pasaran sewa semasa dan nilai pasaran sewa masa hadapan diambil kira. Dalam perkiraan sewa bersih, perbelanjaan seperti insurans, pembaikan dan cukai pintu akan diambil kira.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025, kerugian atau keuntungan nilai saksama berkaitan pelaburan hartanah KPF telah dicajkan ke dalam akaun rizab nilai saksama - pelaburan hartanah seperti mana yang dikehendaki oleh GP23 (Pindaan) 2020.

(c) Pajakan

(i) Menganggarkan perubahan kadar pinjaman untuk pajakan

Kumpulan dan KPF tidak dapat dengan mudah menentukan kadar faedah yang tersirat dalam pajakan. Oleh itu, Kumpulan dan KPF menggunakan kadar pinjaman tambahan ("IBR") sebagai kadar diskaun untuk mengukur liabiliti pajakan. IBR adalah kadar faedah yang harus dibayar oleh Kumpulan dan KPF untuk meminjam dalam jangka masa yang sama, dan dengan sekuriti yang serupa, untuk memperoleh aset bernilai serupa dengan aset hak penggunaan dalam persekitaran ekonomi yang serupa.

Oleh itu, IBR mencerminkan apa yang "harus dibayar" oleh Kumpulan dan KPF, yang memerlukan anggaran apabila tidak ada kadar yang dapat dilihat atau ketika perlu disesuaikan untuk mencerminkan terma dan syarat pajakan. Kumpulan menggunakan pertimbangan dan andaian dalam menentukan kenaikan kadar pinjaman masing-masing pajakan. Kumpulan terlebih dahulu menentukan kadar pinjaman terdekat yang tersedia sebelum menggunakan pertimbangan yang signifikan untuk menentukan penyesuaian yang diperlukan untuk menggambarkan jangka masa, keselamatan, nilai atau persekitaran ekonomi dari pajakan masing-masing.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

4. PENILAIAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN KRITIKAL (SAMB.)

(c) Pajakan (Samb.)

(ii) Tempoh perjanjian sewa dengan pilihan pembaharuan

Kumpulan dan KPF menentukan jangka masa pajakan sebagai jangka masa pajakan yang tidak dapat dibatalkan, bersama-sama dengan tempoh yang dilindungi oleh pilihan untuk memperpanjang pajakan jika sudah pasti dapat dilaksanakan. Kumpulan dan KPF mempunyai pilihan untuk memperbaharui sewa premis pejabat dengan syarat tambahan antara 2 hingga 8 tahun. Pilihan peluasan hanya dapat dilaksanakan oleh Kumpulan dan KPF dan bukan oleh pemberi pajak. Dalam menentukan tempoh pajakan, Kumpulan dan KPF mempertimbangkan semua fakta dan keadaan yang menimbulkan insentif ekonomi untuk melaksanakan pilihan lanjutan. Faktor-faktor yang dipertimbangkan termasuk jangka masa pajakan sejarah dan kos serta gangguan perniagaan yang diperlukan untuk menggantikan aset hak penggunaan. Pada akhir tempoh pelaporan, Kumpulan dan KPF menilai semula jangka masa pajakan jika terdapat peristiwa atau perubahan keadaan yang penting yang berada dalam kawalannya dan mempengaruhi kemampuannya untuk menggunakan (atau tidak menjalankan) pilihan untuk memperbaharui. Kumpulan dan KPF telah mempertimbangkan pilihan pembaharuan sebagai sebahagian daripada tempoh pajakan untuk pajakan premis pejabat.

(d) Rosotnilai kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan entiti usahasama

Kumpulan dan KPF sentiasa mengkaji samaada terdapat sebarang petunjuk rosotnilai dan akan mengiktiraf kerugian rosotnilai jika amaun dibawa oleh kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan entiti usahasama lebih tinggi daripada amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai yang mana lebih tinggi diantara harga jualan bersih dan nilai boleh guna (value-in-use). Dalam menentukan nilai boleh guna ini, Kumpulan dan KPF menilai nilai kini anggaran aliran tunai masa depan yang dijangka akan diperoleh daripada syarikat-syarikat bersekutu dan entiti usahasama secara berterusan dan daripada pelupusannya kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan entiti usahasama tersebut. Anggaran dan pertimbangan utama yang digunakan dalam pengiraan nilai boleh guna ini adalah anggaran aliran tunai dan kadar diskaun.

Termasuk dalam kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu Kumpulan dan KPF pada 31 Disember 2025 adalah salah satu syarikat bersekutu berjumlah RM483,264,000 yang prestasi kewangan syarikat bersekutu tersebut telah merosot sejak beberapa tahun kebelakangan sehingga tahun semasa, di mana harga saham syarikat bersekutu tersebut telah menurun dengan ketara. Oleh itu, Kumpulan dan KPF telah membuat peruntukan rosotnilai sejumlah RM383,388,000 bagi tahun kewangan 31 Disember 2025.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

4. PENILAIAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN KRITIKAL (SAMB.)

(d) Rosotnilai kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan entiti usahasama (Samb.)

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025, kerugian atau keuntungan nilai saksama berkaitan kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan entiti usahasama KPF telah dicajkan ke dalam akaun rizab-rizab lain seperti mana yang dikehendaki oleh GP23 (Pindaan) 2020.

Amaun dibawa bagi kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan entiti usahasama KPF adalah seperti yang didedahkan dalam Nota 11.

(e) Kemerosotan aset kewangan pada kos terlunas

Kemerosotan aset kewangan pada kos terlunas diukur berdasarkan jangkaan kerugian kredit mengikut andaian terhadap risiko kadar jangkaan kerugian kredit. Kumpulan dan KPF menggunakan pertimbangan dalam membuat andaian dan memilih input untuk pengiraan nilai kemerosotan berdasarkan sejarah masa lalu Kumpulan dan KPF, keadaan pasaran semasa serta anggaran jangkaan pada akhir tempoh pelaporan.

Amaun dibawa bagi aset kewangan pada kos terlunas Kumpulan dan KPF adalah seperti yang didedahkan dalam Nota 12, 21, 22, 23, 24 dan 25.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025**5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN****2025**

Kumpulan	Baki pada 1.1.2025 RM'000	Tambahan RM'000	Hapuskira/ Pelupusan RM'000	Pengelasan semula RM'000	Pindahan dari aset dipegang untuk jualan RM'000	Baki pada 31.12.2025 RM'000
Kos						
Tanah dan bangunan	214,340	1,160	(22)	5,322	668	221,468
Loji dan mesin	4,184	-	-	-	64,177	68,361
Stesen minyak	2,863	-	-	-	-	2,863
Kenderaan bermotor	4,807	162	(587)	-	1,645	6,027
Peralatan pejabat, perabot dan kelengkapan	57,235	738	-	-	209	58,182
Peralatan pejabat, perabot dan kelengkapan (bagi aktiviti perladangan)	5,712	400	-	-	3,972	10,084
Alatan komputer	6,702	70	-	-	309	7,081
Kerja dalam pembinaan	417	417	(265)	-	-	569
Peralatan hotel	30,656	7	(20)	-	-	30,643
Ubahsuai	12,627	596	-	-	806	14,029
Jentera perladangan	3,416	715	-	-	8,024	12,155
Rumah pekerja ladang	3,918	564	-	-	9,507	13,989
Papan tanda	219	57	-	-	-	276
Pembinaan jalan dan jambatan	616	753	-	-	5,277	6,646
	<u>347,712</u>	<u>5,639</u>	<u>(894)</u>	<u>5,322</u>	<u>94,594</u>	<u>452,373</u>

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025**5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)****2025 (Samb.)**

Kumpulan (Samb.)	Baki pada 1.1.2025 RM'000	Susutnilai semasa (Nota 44) RM'000	Pelarasan operasi dan bukan operasi RM'000	Hapuskira/ Pelupusan RM'000	Pindahan dari aset dipegang untuk jualan RM'000	Baki pada 31.12.2025 RM'000
Susutnilai Terkumpul						
Tanah dan bangunan	56,754	2,734	368	(13)	58	59,901
Loji dan mesin	2,501	2,697	16,756	-	9,396	31,350
Stesen minyak	206	94	-	-	-	300
Kenderaan bermotor	4,679	58	753	(587)	892	5,795
Peralatan pejabat, perabot dan kelengkapan	31,277	4,297	148	-	51	35,773
Peralatan pejabat, perabot dan kelengkapan (bagi aktiviti perladangan)	1,762	924	2,114	-	453	5,253
Alatan komputer	3,647	109	164	-	145	4,065
Peralatan hotel	4,889	861	22,360	-	-	28,110
Ubahsuai	8,758	1,029	631	-	166	10,584
Jentera perladangan	956	787	3,233	-	1,034	6,010
Rumah pekerja ladang	1,306	960	3,787	-	595	6,648
Papan tanda	131	25	-	-	-	156
Pembinaan jalan dan jambatan	483	719	3,430	-	-	4,632
	<u>117,349</u>	<u>15,294</u>	<u>53,744</u>	<u>(600)</u>	<u>12,790</u>	<u>198,577</u>

* Pindahan dari aset bukan semasa dipegang untuk jualan

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)

2025 (Samb.)

	Baki pada 1.1.2025/ 31.12.2025 RM'000
Kumpulan (Samb.)	
Rosotnilai Berkumpulan	
Tanah dan bangunan	156
Loji dan mesin	589
Stesen minyak	-
Kenderaan bermotor	-
Peralatan pejabat, perabot dan kelengkapan	25
Peralatan pejabat, perabot dan kelengkapan (bagi aktiviti perladangan)	220
Alatan komputer	-
Peralatan hotel	-
Ubahsuai	-
Jentera perladangan	-
Rumah pekerja ladang	-
Papan tanda	-
Pembinaan jalan dan jambatan	-
	990

Termasuk dalam hartanah, loji dan peralatan adalah pindahan dari aset bukan semasa yang dipegang untuk jualan dengan baki bersih berjumlah RM82,099,000.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025**5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)****2024 (Samb.)**

Kumpulan (Samb.)	Baki pada 1.1.2024 RM'000	Tambahan RM'000	Pelupusan RM'000	Hapuskira RM'000	Baki pada 31.12.2024 RM'000
Kos					
Tanah dan bangunan	236,242	678	(22,580)	-	214,340
Loji dan mesin	4,184	-	-	-	4,184
Stesen minyak	2,828	35	-	-	2,863
Kenderaan bermotor	7,409	-	(2,062)	(540)	4,807
Peralatan pejabat, perabot dan kelengkapan	80,104	319	(23,187)	(1)	57,235
Peralatan pejabat, perabot dan kelengkapan (bagi aktiviti perladangan)	4,075	1,637	-	-	5,712
Alatan komputer	6,575	127	-	-	6,702
Kerja dalam pembinaan	763	1,338	(1,684)	-	417
Peralatan hotel	30,631	25	-	-	30,656
Ubahsuai	12,408	219	-	-	12,627
Jentera perladangan	3,413	3	-	-	3,416
Rumah pekerja ladang	3,662	256	-	-	3,918
Papan tanda	219	-	-	-	219
Pembinaan jalan dan jambatan	616	-	-	-	616
	<u>393,129</u>	<u>4,637</u>	<u>(49,513)</u>	<u>(541)</u>	<u>347,712</u>

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025**5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)****2024 (Samb.)**

Kumpulan (Samb.)	Baki pada 1.1.2024 RM'000	Susutnilai semasa (Nota 44) RM'000	Pelupusan RM'000	Hapuskira RM'000	Baki pada 31.12.2024 RM'000
Susutnilai Terkumpul					
Tanah dan bangunan	76,904	1,120	(21,270)	-	56,754
Loji dan mesin	2,197	304	-	-	2,501
Stesen minyak	101	105	-	-	206
Kenderaan bermotor	7,226	46	(2,066)	(527)	4,679
Peralatan pejabat, perabot dan kelengkapan	49,812	4,459	(22,994)	-	31,277
Peralatan pejabat, perabot dan kelengkapan (bagi aktiviti perladangan)	1,329	445	(12)	-	1,762
Alatan komputer	3,543	104	-	-	3,647
Peralatan hotel	4,069	820	-	-	4,889
Ubahsuai	7,726	1,032	-	-	8,758
Jentera perladangan	703	253	-	-	956
Rumah pekerja ladang	985	321	-	-	1,306
Papan tanda	109	22	-	-	131
Pembinaan jalan dan jambatan	372	111	-	-	483
	<u>155,076</u>	<u>9,142</u>	<u>(46,342)</u>	<u>(527)</u>	<u>117,349</u>

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)

2024 (Samb.)

Kumpulan (Samb.)

Rosotnilai Berkumpul

Tanah dan bangunan	156
Loji dan mesin	589
Stesen minyak	-
Kenderaan bermotor	-
Peralatan pejabat, perabot dan kelengkapan	25
Peralatan pejabat, perabot dan kelengkapan (bagi aktiviti perladangan)	220
Alatan komputer	-
Peralatan hotel	-
Ubahsuai	-
Jentera perladangan	-
Rumah pekerja ladang	-
Papan tanda	-
Pembinaan jalan dan jambatan	-
	990

Baki pada
1.1.2024/
31.12.2024
RM'000

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)

	2025	2024
Kumpulan (Samb.)	RM'000	RM'000
Nilai Buku Bersih		
Tanah dan bangunan	161,411	157,430
Loji dan mesin	36,422	1,094
Stesen minyak	2,563	2,657
Kenderaan bermotor	232	128
Peralatan pejabat, perabot dan kelengkapan	22,384	25,933
Peralatan pejabat, perabot dan kelengkapan (bagi aktiviti perladangan)	4,611	3,730
Alatan komputer	3,016	3,055
Kerja dalam pembinaan	569	417
Peralatan hotel	2,533	25,767
Ubahsuai	3,445	3,869
Jentera perladangan	6,145	2,460
Rumah pekerja ladang	7,341	2,612
Papan tanda	120	88
Pembinaan jalan dan jambatan	2,014	133
	<u>252,806</u>	<u>229,373</u>

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025**5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)**

2025	Baki pada 1.1.2025 RM'000	Tambahan RM'000	Pindahan dari aset dipegang untuk jualan (Nota 26) RM'000	Baki pada 31.12.2025 RM'000
KPF				
Kos				
Bangunan	2,138	688	668	3,494
Kenderaan bermotor	770	-	1,645	2,415
Peralatan pejabat, perabot dan kelengkapan	6,372	72	209	6,653
Peralatan pejabat, perabot dan kelengkapan (bagi aktiviti perladangan)	4,123	396	3,972	8,491
Alatan komputer	5,807	2	309	6,118
Kerja dalam pembinaan	153	417	-	570
Ubahsuai	8,373	74	806	9,253
Jentera perladangan	3,516	715	8,024	12,255
Rumah pekerja ladang	4,130	564	9,506	14,200
Papan tanda	215	57	-	272
Loji dan mesin	-	-	64,472	64,472
Pembinaan jalan dan jambatan	1,112	753	5,277	7,142
Aset bernilai rendah	-	88	-	88
	<u>36,709</u>	<u>3,826</u>	<u>94,888</u>	<u>135,423</u>

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025**5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)**

2025 (Samb.)	Pindahan dari aset dipegang		Susutnilai	Pelarasan	Pelarasan	
	Baki pada	untuk jualan	semasa	operasi	bukan	Baki pada
	1.1.2025	(Nota 26)	(Nota 44)	(Nota 46)	operasi	31.12.2025
KPF (Samb.)	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Susutnilai Terkumpul						
Bangunan	842	58	263	57	312	1,532
Kenderaan bermotor	759	892	5	-	753	2,409
Peralatan pejabat, perabot dan kelengkapan	5,917	52	257	13	135	6,374
Peralatan pejabat, perabot dan kelengkapan (bagi aktiviti perladangan)	1,447	452	764	300	1,813	4,776
Alatan komputer	5,787	145	8	-	164	6,104
Ubahsuai	5,948	166	735	5	627	7,481
Jentera perladangan	991	1,034	787	499	2,734	6,045
Rumah pekerja ladang	1,243	595	897	594	3,193	6,522
Papan tanda	137	-	27	-	-	164
Loji dan mesin	-	9,396	2,754	2,754	14,001	28,905
Pembinaan jalan dan jambatan	515	-	719	528	2,902	4,664
Aset bernilai rendah	-	-	88	-	-	88
	23,586	12,790	7,304	4,750	26,634	75,064

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025**5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)****2024 (Samb.)****KPF (Samb.)****Kos**

	Baki pada 1.1.2024 RM'000	Tambahan RM'000	Baki pada 31.12.2024 RM'000
Bangunan	1,775	363	2,138
Kenderaan bermotor	770	-	770
Peralatan pejabat, perabot dan kelengkapan	6,228	144	6,372
Peralatan pejabat, perabot dan kelengkapan (bagi aktiviti perladangan)	3,639	484	4,123
Alatan komputer	5,802	5	5,807
Kerja dalam pembinaan	-	153	153
Ubahsuai	8,191	182	8,373
Jentera perladangan	3,513	3	3,516
Rumah pekerja ladang	3,666	464	4,130
Papan tanda	215	-	215
Pembinaan jalan dan jambatan	1,112	-	1,112
	<u>34,911</u>	<u>1,798</u>	<u>36,709</u>

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)

2024 (Samb.)

KPF (Samb.)

Susutnilai Berkumpul

	Baki pada 1.1.2024 RM'000	Susutnilai semasa (Nota 44) RM'000	Baki pada 31.12.2024 RM'000
Bangunan	681	159	840
Kenderaan bermotor	754	5	759
Peralatan pejabat, perabot dan kelengkapan	5,499	420	5,919
Peralatan pejabat, perabot dan kelengkapan (bagi aktiviti perladangan)	1,067	380	1,447
Alatan komputer	5,775	12	5,787
Ubahsuai	5,130	818	5,948
Jentera perladangan	738	253	991
Rumah pekerja ladang	985	258	1,243
Papan tanda	115	22	137
Pembinaan jalan dan jambatan	404	111	515
	<u>21,148</u>	<u>2,438</u>	<u>23,586</u>

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)

	2025 RM'000	2024 RM'000
KPF (Samb.)		
Nilai Buku Bersih		
Bangunan	1,962	1,298
Kenderaan bermotor	6	11
Peralatan pejabat, perabot dan kelengkapan	279	453
Peralatan pejabat, perabot dan kelengkapan (bagi aktiviti perladangan)	3,715	2,676
Alatan komputer	14	20
Kerja Dalam Pembinaan	570	153
Ubahsuai	1,772	2,425
Jentera perladangan	6,210	2,525
Rumah pekerja ladang	7,678	2,887
Papan tanda	108	78
Loji dan mesin	35,567	-
Pembinaan jalan dan jambatan	2,478	597
	<u>60,359</u>	<u>13,123</u>

Termasuk dalam hartanah, loji dan peralatan adalah pindahan dari aset bukan semasa yang dipegang untuk jualan dengan baki bersih berjumlah RM81,804,000.

Kilang minyak sawit termasuk mesin Kumpulan dan KPF yang mempunyai nilai buku bersih pada 31 Disember 2025 sebanyak RM28,503,000 (2024: RM46,126,000) telah dicagarkan oleh KPF untuk pinjaman jangka panjang dengan sebuah institusi kewangan seperti yang dinyatakan di Nota 31 (b)(i).

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025**5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)**

Butiran tanah dan bangunan Kumpulan adalah sebagai berikut:

Kumpulan	Tanah milik pajak RM'000	Bangunan RM'000	Jumlah RM'000
2025			
Kos			
Baki pada 1 Januari 2025	43,405	170,935	214,340
Penambahan	-	1,160	1,160
Pelupusan	-	(22)	(22)
Pindahan*	-	5,990	5,990
Baki pada 31 Disember 2025	<u>43,405</u>	<u>178,063</u>	<u>221,468</u>
Susutnilai terkumpul			
Baki pada 1 Januari 2025	43,405	13,349	56,754
Susutnilai semasa	-	2,734	2,734
Pelarasan operasi dan bukan operasi	-	368	368
Pelupusan	-	(13)	(13)
Pindahan*	-	58	58
Baki pada 31 Disember 2025	<u>43,405</u>	<u>16,496</u>	<u>59,901</u>
Rosotnilai terkumpul			
Baki pada 1 Januari 2025/31 Disember 2025	<u>-</u>	<u>156</u>	<u>156</u>
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2025	<u>-</u>	<u>161,411</u>	<u>161,411</u>
2024			
Kos			
Baki pada 1 Januari 2024	43,405	192,837	236,242
Penambahan	-	678	678
Pelupusan	-	(22,580)	(22,580)
Baki pada 31 Disember 2024	<u>43,405</u>	<u>170,935</u>	<u>214,340</u>
Susutnilai terkumpul			
Baki pada 1 Januari 2024	43,405	33,499	76,904
Susutnilai semasa	-	1,120	1,120
Pelupusan	-	(21,270)	(21,270)
Baki pada 31 Disember 2024	<u>43,405</u>	<u>13,349</u>	<u>56,754</u>
Rosotnilai terkumpul			
Baki pada 1 Januari 2024/31 Disember 2024	<u>-</u>	<u>156</u>	<u>156</u>
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2024	<u>-</u>	<u>157,430</u>	<u>157,430</u>

* Pindahan dari aset bukan semasa dipegang untuk jualan

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025**6. TANAH UNTUK PEMBANGUNAN**

	Kumpulan dan KPF	
	2025	2024
	RM'000	RM'000
Tanah milik bebas		
Baki pada 1 Januari	294,218	294,218
Pengagihan kepada Harta Bagi Kumpulan Wang Rizab (Nota 15)	(294,218)	-
Baki pada 31 Disember	<u>-</u>	<u>294,218</u>

7. ASET TIDAK KETARA

	Kumpulan dan KPF		
		Hak	
	Muhibah	francais	Jumlah
	RM'000	RM'000	RM'000
Kos			
Baki pada 1 Januari 2024/31 Disember 2024	-	2,080	2,080
Pindahan dari aset dipegang untuk jualan (Nota 26)	15,828	-	15,828
Baki pada 31 Disember 2025	<u>15,828</u>	<u>2,080</u>	<u>17,908</u>
Pelunasan terkumpul			
Baki pada 1 Januari 2024	-	1,855	1,855
Pelunasan semasa	-	110	110
Baki pada 31 Disember 2024/1 Januari 2025	-	1,965	1,965
Pelunasan semasa	-	79	79
Baki pada 31 Disember 2025	<u>-</u>	<u>2,044</u>	<u>2,044</u>
Nilai buku bersih			
Baki pada 31 Disember 2025	<u>15,828</u>	<u>36</u>	<u>15,864</u>
Baki pada 31 Disember 2024	<u>-</u>	<u>115</u>	<u>115</u>

Hak francais

Hak francais merupakan hak untuk kedai Ar-Rahnu menjalankan operasi termasuk perisian komputer. Jangka hayat hak francais adalah di antara 3 hingga 5 tahun.

Termasuk dalam aset ketara adalah pindahan dari aset bukan semasa yang dipegang untuk jualan berjumlah RM15,828,000.

Aset tidak ketara yang dipindah semula dari aset dipegang untuk jualan terdiri daripada muhibah yang merupakan lebih harga belian dan nilai saksama aset perladangan (iaitu ladang kelapa sawit beserta dengan kilang minyak sawit) yang terletak di Samarahan, Sarawak, yang dibeli dalam tahun kewangan 2016.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025**8. BAYARAN PAJAKAN TERTANGGUH**

	Kumpulan	
	2025	2024
	RM'000	RM'000
Kos:		
Baki pada 1 Januari/31 Disember	149,231	149,231
Pindahan dari aset dipegang untuk jualan (Nota 26)	874,679	-
Pengelasan semula kepada hartanah, loji dan peralatan (Nota 5)	(5,322)	-
Baki pada 31 Disember	<u>1,018,588</u>	<u>149,231</u>
Pelunasan terkumpul:		
Baki pada 1 Januari	15,787	14,256
Pindahan dari aset dipegang untuk jualan (Nota 26)	50,866	-
Pelarasan operasi	14,578	-
Pelarasan bukan operasi	80,179	-
Pelunasan semasa	15,643	1,531
Baki pada 31 Disember	<u>177,053</u>	<u>15,787</u>
Nilai buku bersih pada 31 Disember	<u>841,535</u>	<u>133,444</u>

	KPF	
	2025	2024
	RM'000	RM'000
Kos		
Baki pada 1 Januari/31 Disember	131,939	131,939
Pindahan dari aset dipegang untuk jualan (Nota 26)	874,679	-
Baki pada 31 Disember	<u>1,006,618</u>	<u>131,939</u>
Pelunasan terkumpul:		
Baki pada 1 Januari	14,870	13,342
Pindahan dari aset dipegang untuk jualan (Nota 26)	50,866	-
Pelarasan operasi	14,578	-
Pelarasan bukan operasi	80,179	-
Pelunasan semasa	15,641	1,528
Baki pada 31 Disember	<u>176,134</u>	<u>14,870</u>
Nilai buku bersih pada 31 Disember	<u>830,484</u>	<u>117,069</u>

Termasuk dalam bayaran pajakan tertangguh adalah pindahan dari aset bukan semasa yang dipegang untuk jualan dengan baki bersih berjumlah RM823,813,000 dan pengelasan semula kepada hartanah, loji dan peralatan berjumlah RM5,322,000.

Termasuk dalam bayaran pajakan tertangguh adalah tanah ladang kelapa sawit di Samarahan, Sarawak pada nilai buku bersih RM787,964,000 (2024: RM816,655,000) telah dicagarkan oleh KPF untuk pinjaman jangka panjang dengan sebuah institusi kewangan seperti yang dinyatakan dalam Nota 31 (b)(ii).

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025**9. PELABURAN HARTANAH**

	Kumpulan	
	2025	2024
	RM'000	RM'000
Pada nilai saksama:		
Baki pada 1 Januari	637,994	640,904
Tambahan	318	-
Jualan:		
Kos	-	(3,978)
Realisasi keuntungan nilai saksama semasa penjualan	-	(12)
	-	(3,990)
Keuntungan nilai saksama dipindah ke rizab nilai saksama (Nota 29)	(1,080)	1,080
Baki pada 31 Disember	<u>637,232</u>	<u>637,994</u>

	KPF	
	2025	2024
	RM'000	RM'000
Pada nilai saksama:		
Baki pada 1 Januari	824,910	827,820
Jualan:		
Kos	-	(3,978)
Realisasi kerugian nilai saksama semasa penjualan	-	(12)
	-	(3,990)
Keuntungan nilai saksama dipindah ke rizab nilai saksama (Nota 29)	59,920	1,080
Baki pada 31 Disember	<u>884,830</u>	<u>824,910</u>

Bangunan The Icon di Jalan Tun Razak yang bernilai RM230,000,000 telah dicagarkan kepada sebuah institusi kewangan bagi pinjaman jangka panjang yang diperoleh daripada institusi kewangan tersebut seperti yang dinyatakan dalam Nota 31 (a).

Amaun-amaun berikut diiktiraf dalam untung atau rugi berkaitan dengan pelaburan hartanah:

	Kumpulan		KPF	
	2025	2024	2025	2024
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pendapatan daripada pelaburan hartanah (Nota 41)	23,273	30,624	24,327	30,612
Perbelanjaan operasi pelaburan hartanah yang menghasilkan pendapatan sewa	<u>(13,910)</u>	<u>(17,596)</u>	<u>(13,910)</u>	<u>(15,006)</u>

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

10. KEPENTINGAN DALAM SYARIKAT-SYARIKAT SUBSIDIARI

	KPF	
	2025	2024
	RM'000	RM'000
Saham-saham ekuiti tidak tersiarharga, pada kos:		
Saham biasa	133,547	133,547
Saham keutamaan	30,000	30,000
Baki pada 1 Januari	163,547	163,547
Tolak:		
Penjejasan nilai terkumpul	(5,500)	(5,500)
Pengagihan kepada Harta Bagi Kumpulan Wang		
Rizab (Nota 15)	(158,047)	(102,293)
Baki pada 31 Disember	-	55,754

Pihak pengurusan berpendapat bahawa peruntukan penjejasan nilai terkumpul berjumlah RM5,500,000 (2024: RM5,500,000) adalah mencukupi dan nilai dibawa sebanyak NIL (2024: RM55,754,000) dapat dipulih semula berdasarkan strategi dan rancangan perniagaan syarikat-syarikat subsidiari tersebut.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025**10. KEPENTINGAN DALAM SYARIKAT-SYARIKAT SUBSIDIARI (SAMB.)**

Kepentingan langsung KPF dalam saham-saham syarikat-syarikat subsidiari adalah seperti berikut:

	Bilangan	2025	Pemilikan	Bilangan	2024	Pemilikan
	Unit	Saham	%	Unit	Saham	%
		RM'000			RM'000	
Subsidiari						
KPF Trading Sdn. Bhd.						
- Saham biasa	30,000,000	7,350	100	30,000,000	7,350	100
- Saham keutamaan	120,000,000	30,000	100	120,000,000	30,000	100
KPF Niaga Sdn. Bhd.	8,000,000	8,000	100	8,000,000	8,000	100
KPF Agro Properties Sdn. Bhd.	900,000	11,904	90	900,000	11,904	90
Felda D'Saji Sdn. Bhd.	6,000,000	10,168	60	6,000,000	10,168	60
KPF Holdings Sdn. Bhd.	5,000,000	5,000	100	5,000,000	5,000	100
KPF Plantation Sdn. Bhd.	1,000,000	1,000	100	1,000,000	1,000	100
KPF Hotel Management Sdn. Bhd.	74,125,033	74,125	100	74,125,033	74,125	100
KPF Farming Sdn. Bhd	16,000,000	16,000	100	16,000,000	16,000	100
		<u>163,547</u>			<u>163,547</u>	
Tolak:						
- Pengagihan kepada Harta Bagi						
Kumpulan Wang Rizab (Nota 15)		(158,047)			(102,293)	
